*Number of permanent staff against contract staff*



Dari segi taburan staf, Ibu Pejabat CIDB Malaysia mempunyai 420 orang staf pada tahun 2021, manakala pejabat-pejabat negeri dan cawangan mempunyai seramai 586 staf. Terdapat pengurangan sebanyak 6.7% jumlah staf di Ibu Pejabat dan pertambahan sebanyak 2.5% di pejabat-pejabat negeri dan cawangan berbanding 2020. Taburan staf mengikut kategori pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti di bawah :

*In terms of staff distribution, CIDB Malaysia Head Office has 420 employees in 2021, while state and branch offices have a total of 586 employees. There was a decrease of 6.7% in the number of staff at the Head Office and an increase of 2.5% in the state and branch offices compared to 2020. Staff distribution by category in 2021 compared to 2020 is as below :*

### Taburan Staf Staff Distribution

KATEGORI / KUMPULAN JAWATAN CATEGORIES / GROUP OF POSTS	IBU PEJABAT Head Office		PEJABAT / CAWANGAN NEGERI State / Branch Offices		Jumlah Total	
	2021	2020	2021	2020	2021	2020
Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) Public Sector Superscale	4	6	0	0	4	6
Pengurusan & Profesional Management & Professional	134	143	50	48	184	191
Pelaksana (Sokongan) Implementors (Support)	282	301	536	524	818	825
<b>JUMLAH TOTAL</b>	<b>420</b>	<b>450</b>	<b>586</b>	<b>572</b>	<b>1006</b>	<b>1022</b>



# PRESTASI KEWANGAN

## FINANCIAL PERFORMANCE

### HASIL

Berdasarkan Penyata Kewangan Telah Diaudit 2021, jumlah hasil yang diterima di peringkat CIDB sehingga 31 Disember 2021 adalah sebanyak RM272.4 juta. Secara keseluruhannya, hasil CIDB 2021 meningkat sebanyak RM26.4 juta (11%) berbanding hasil tahun 2020 yang berjumlah RM246.0 juta. Penaan levi masih kekal sebagai penyumbang utama hasil CIDB iaitu sebanyak RM161.7 juta atau 59% daripada jumlah keseluruhan hasil. Hasil daripada yuran pendaftaran adalah sebanyak RM66.1 juta (24%), hasil faedah deposit tetap sebanyak RM8.7 juta (3%), hasil verifikasi bahan sebanyak RM8.0 juta (3%) dan hasil yang lain sebanyak RM27.9 juta (11%).

### REVENUE

Based on Audited Financial Report 2021, total revenue received by CIDB as at 31 December 2021 stood at RM272.4 million. Overall, it shows an increase of RM26.4 million (11%) in revenue compared to 2020 amounting to RM246.0 million. Levy imposition remains the biggest source of revenue totalling RM161.7 million or 59% from the total revenue. Other revenue includes RM66.1 million (24%) for registration fees, revenue for interest and dividend RM8.7 million (3%), RM8.0 million (3%) for verification, and other revenue RM27.9 million (11%).

Jadual I menunjukkan Hasil CIDB dan Kumpulan pada tahun 2021  
Schedule I shows CIDB and the Group Revenue for 2021

Sumber Hasil / Source of Revenue	Peringkat Kumpulan / Group Level		Peringkat CIDB / CIDB Level	
	2021	2020	2021	2020
<b>Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran / Revenue From Non-Exchange Transactions</b>	<b>234.8</b>	<b>194.4</b>	<b>235.4</b>	<b>189.7</b>
Levi Levy	161.7	113.0	161.7	113.0
Yuran Pendaftaran / Registration Fee	66.1	59.1	66.1	59.1
Kompaun dan Penalti / Compound and Penalty	5.3	5.1	5.3	5.1
Geran Kerajaan / Government Grant	0.6	15.0	2.3	12.5
Lain-lain Urus Niaga Bukan Pertukaran / Others Non-Exchange Transactions	1.1	2.2	-	-
<b>Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran / Revenue From Exchange Transactions</b>	<b>63.8</b>	<b>58.6</b>	<b>25.5</b>	<b>35.6</b>
Yuran Penilaian Kemahiran / Evaluation Skills Fees	4.2	6.4	3.3	6.0
Yuran Kursus / Training Fees	15.6	14.9	2.6	4.7
Hasil Sewaan / Rental Revenue	2.3	1.6	0.5	1.5
Faedah Deposit Tetap / Fixed Deposits Interest	9.2	15.8	8.7	15.2
Hibah / Hibah	1.5	0.3	1.4	0.2
Verifikasi Bahan / Material Verification	8.0	7.1	8.0	7.1
Jualan Dokumen / Sales Documents	0.2	0.2	0.1	0.1
Lain-lain Urus Niaga Pertukaran / Others Exchange Transactions	2.0	4.0	0.7	0.6
Fi Pengurusan Projek Perundingan, Pensijilan dan Pendaftaran / Management Fees for Project Consultation, Certification and Registration	19.1	7.2	-	-
<b>Lain-lain Hasil / Others Revenue</b>	<b>12.2</b>	<b>22.3</b>	<b>11.5</b>	<b>20.7</b>
Bayaran Balik Geran Grant Repayments	4.6	17.4	4.6	17.4
Pendapatan Hutang Ragu Doubtful Debt Income	6.2	2.8	6.2	2.7
Pelbagai Hasil Miscellaneous Revenue	1.4	2.1	0.7	0.6
<b>Jumlah / Total</b>	<b>310.8</b>	<b>275.3</b>	<b>272.4</b>	<b>246.0</b>

## PERBELANJAAN

Di peringkat CIDB, perbelanjaan keseluruhan telah menurun sebanyak RM25.5 juta (8%) daripada RM307.4 juta untuk tahun 2020 kepada RM281.9 juta pada tahun 2021. Perbelanjaan mengurus tahun 2021 meningkat sebanyak RM7.2 juta (5%) kepada RM144.3 juta berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM137.1 juta.

Perbelanjaan bagi program pembangunan industri pula menurun sebanyak RM25.7 juta (21%) kepada RM96.0 juta berbanding RM121.7 juta pada tahun 2020. Perbelanjaan modal menurun sebanyak RM7.0 juta (14%) kepada RM41.6 juta berbanding RM48.6 juta pada tahun 2020.

## EXPENDITURE

At CIDB level, total expenditure decreased by RM25.5 million (8%) from RM307.4 million in 2020 to RM281.9 million in 2021. The operational expenditure in 2021 increased by RM7.2 million (5%) to RM144.3 million compared to RM137.1 million in 2020.

The industry development program decreased by RM25.7 million (21%) to RM96.0 million compared to RM121.7 million in 2020. The capital expenditure decreased by RM7.0 million (14%) to RM41.6 million compared to RM48.6 million in 2020.

Jadual II menunjukkan Perbelanjaan CIDB dan Kumpulan pada tahun 2021  
Schedule II shows CIDB and the Group Expenditure for 2021

Jenis Perbelanjaan / Types Of Expenditure		Perbelanjaan / Expenditure RMJuta Million)		Perbelanjaan / Expenditure RMJuta Million)	
		Peringkat Kumpulan / Group Level	Peringkat CIDB / CIDB Level	2021	2020
Kos Pengeluaran / Production Cost	a	11.4	12.6	-	-
Emolument Emolument	b	103.0	96.1	77.0	71.2
Bekalan Perkhidmatan / Service Supplies	c	3.6	3.2	3.1	2.1
Belanja Operasi / Operational Expenditure	d	79.9	80.5	64.2	63.8
(A) Belanja Mengurus / Management Expenditure	e=a+b+c+d	197.9	192.4	144.3	137.1
(B) Program Pembangunan Industri / Industry Development Programmes		84.7	108.0	96.0	121.7
(C) Belanja Modal / Capital Expenditure		47.2	53.6	41.6	48.6
<b>Jumlah / Total</b>	<b>A+B+C</b>	<b>329.8</b>	<b>354.0</b>	<b>281.9</b>	<b>307.4</b>

## KEUNTUNGAN TERKUMPUL

Keuntungan terkumpul bersih di peringkat CIDB meningkat sebanyak RM26.9 juta (3%) iaitu daripada RM789.7 juta pada tahun 2020 kepada RM816.6 juta pada tahun 2021.

Sementara itu kedudukan keuntungan terkumpul bersih di peringkat Kumpulan juga meningkat sebanyak RM22.6 juta (3%) daripada RM829.9 juta pada tahun 2020 kepada RM852.5 juta pada tahun 2021.

## ACCUMULATED PROFIT

The total accumulated income at CIDB level shows a RM26.9 million (3%) increase from RM789.7 million in 2020 to RM816.6 million in 2021.

At the Group level, total accumulated income also increased by RM22.6 million (3%) from RM829.9 million in 2020 to RM852.5 million in 2021.

Jadual III menunjukkan Keuntungan Terkumpul CIDB dan Kumpulan pada tahun 2021  
Schedule III shows Accumulated Profit for CIDB and the Group for 2021

Jenis Perbelanjaan / Types Of Expenditure		Perbelanjaan / Expenditure RMJuta Million)		Perbelanjaan / Expenditure RMJuta Million)	
		Peringkat Kumpulan / Group Level	Peringkat CIDB / CIDB Level	2021	2020
Kurangan Pendapatan Sebelum Cukai / Deficit Income Before Tax	a	28.2	(25.1)	32.1	(12.8)
Cukai Pendapatan / Income Tax	b	5.0	4.9	4.7	4.5
Zakat	c	0.6	0.4	0.5	0.2
Kepentingan Minoriti / Minority Interest	d	-	0.4	-	-
<b>(A) Kurangan Pendapatan Selepas Cukai / Deficit Income After Tax</b>	<b>e=a-b-c-d</b>	<b>22.6</b>	<b>(30.8)</b>	<b>26.9</b>	<b>(17.5)</b>
(B) Lebihan Pendapatan Di Bawa Ke Hadapan / Surplus Income Brought Forward	f	829.9	864.1	789.7	809.1
Kerugian Penilaian Aktuari Actual Valuation Loss	g	-	(2.8)	-	(1.9)
Dividen Dibayar Kepada Kepentingan Bukan Kawalan Dividends Paid to Non-Controlling Interests	h	-	-	-	-
Terbitan Ekuiti Modal Pencairan Pegangan Subsidiari Equity Issue From Capital Dilution Of Subsidiary Holdings	i	-	(0.6)	-	-
<b>Jumlah / Total</b>	<b>e+f+g+h+i</b>	<b>852.5</b>	<b>829.9</b>	<b>816.6</b>	<b>789.7</b>



# TINJAUAN PENGERUSI

CHAIRMAN'S OVERVIEW



## DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH, MAHA PENYAYANG.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya berbesar hati untuk membentangkan Laporan Tahunan CIDB 2021 dan Penyata Kewangan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

Tidak dinafikan tahun 2021 merupakan satu lagi tahun yang mencabar dalam banyak aspek berikutan ekonomi dan komuniti terus bergelut dengan kesan Covid-19. Namun, penglibatan aktif CIDB sebagai barisan hadapan industri pembinaan, dengan memainkan pelbagai peranan penting telah dapat menyokong dan menyumbang kepada penstabilan dan penguatan industri.

## IN THE NAME OF ALLAH, THE MOST GRACIOUS, MOST MERCIFUL.

*On behalf of the Board of Directors, I am honoured to present the 2021 CIDB Annual Report and the Financial Statements for the financial year ended 31 December 2021.*

*It had undoubtedly been another challenging year in many aspects as economies and communities continued to battle with the repercussions of Covid-19. However, CIDB's active involvement as the front line of the construction industry, by playing various important roles had been able to support and contribute to the stabilization and strengthening of the industry.*

### YB. Ir. Hj. Yusuf Hj. Abd. Wahab

Pengerusi / Chairman

#### Peranan Barisan Hadapan CIDB

CIDB telah bertindak sebagai barisan hadapan industri pembinaan dalam menangani pandemik Covid-19 dengan peranan-peranan berikut :

- Menjadi rujukan bagi semua agensi dan pemegang taruh sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN);
- Menjalankan penguatkuasaan di tapak pembinaan di seluruh negara. Sepanjang tahun 2021, sejumlah 16,815 pemeriksaan telah dibuat terhadap 6,521 tapak pembinaan.
- Menyediakan SOP serta garis panduan yang perlu dipatuhi oleh industri pembinaan untuk beroperasi. Sehingga kini sebanyak 20 versi SOP telah dibangunkan dan menjadi rujukan bagi industri pembinaan, merangkumi SOP untuk PKP, PKPB, PKPP dan PPN;
- Mengadakan sesi libat urus bersama pemain industri bagi mendapatkan maklumbalas ke atas pelbagai isu yang dibangkitkan semasa pandemik seperti isu harga bahan binaan, pekerja asing, kos pematuhan SOP, peninapan pekerja, levi HRDF, kontrak pembinaan, perolehan kerajaan dan lain-lain serta memberikan cadangan penyelesaian kepada Kerajaan;
- Melaksanakan pakej PRIHATIN bagi membantu pemain industri yang terjejas akibat pandemik COVID-19;
- Terlibat secara aktif dalam pelbagai jawatankuasa di peringkat Kementerian dan Nasional seperti Jawatankuasa Dasar KKR, Jawatankuasa Kumpulan Kerja Teknikal Pengurusan Pandemik di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jawatankuasa Penyelarasan Senarai Perkhidmatan Perlu di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).
- Memproses permohonan kebenaran operasi sektor pembinaan melalui CIMS MITI yang melibatkan semua pihak dalam rantai bekalan pembinaan.
- Menjalankan program Vaksinasi Industri Pembinaan (CIVAC) di lima buah negeri bagi meningkatkan kadar vaksinasi di kalangan pekerja tapak binaan.

#### CIDB's Front Line Role

*CIDB had acted as the forefront of the construction industry in dealing with the Covid-19 pandemic with the following roles:*

- As a reference for all agencies and stakeholders throughout the Movement Control Order (MCO) and the National Recovery Plan (PPN);*
- Execute enforcement at construction sites throughout the country. A total of 16,815 inspections were made on 6,521 construction sites in 2021.*
- Produce SOPs and guidelines for the construction industry to adhere in order to operate. To date, 20 versions of SOPs have been developed and referred to by the construction industry, including SOPs for MCO, PKPB, PKPP and PPN;*
- Hold engagement sessions with industry players to get feedback on various issues raised during the pandemic such as issues of construction materials' prices, foreign workers, the cost of SOP compliance, workers accommodation, HRDF levy, construction contracts, government procurement and others as well as provide proposed solution to the Government;*
- Implement the PRIHATIN package to assist industry players affected by the COVID-19 pandemic;*
- Actively involved in various committees at the Ministry and National level such as the KKR Policy Committee, the Pandemic Management Technical Working Group Committee under the National Security Council (MKN), the Necessary Services List Coordination Committee under the Ministry of International Trade and Industry (MITI).*
- Process construction sector operation authorization applications through the MITI CIMS which involves all parties in the construction supply chain.*
- Conduct the Construction Industry Vaccination (CIVAC) programme in five states to increase the vaccination rate among construction site workers.*

#### Persekitaran Ekonomi

Pandemik Covid-19 terus membentuk landskap ekonomi global pada tahun 2021 walaupun telah pulih secara beransur-ansur apabila dunia menyesuaikan diri dengan norma baharu dan vaksinasi semakin meluas. Ini telah membolehkan aktiviti disambung semula. Oleh itu, ekonomi dunia telah berkembang kepada 6.1% berbanding -3.1% pada tahun 2020. Namun, kekuatan pemulihan itu telah dilemahkan oleh lonjakan kes Covid-19 di tengah-tengah penyebaran varian baharu yang membimbangkan. Ekonomi global juga berdepan dengan ketidakpastian pasaran kewangan, gangguan rantai bekalan, harga komoditi yang lebih tinggi dan kekurangan pekerja. Beberapa faktor ini telah mengakibatkan tekanan inflasi, di tengah-tengah pemulihan dalam permintaan apabila ekonomi mula dibuka semula.

#### Economic Environment

*The Covid-19 pandemic continued to shape the global economic landscape in 2021 although it gradually recovered as the world adapted to the new normal and vaccinations became prevalent. This had allowed for activities to resume. As such, the world economy had expanded to 6.1% compared to -3.1% in 2020. However, the strength of the recovery was dampened by the spike in Covid-19 cases, amid the spread of new variants of concern. The global economy was also confronted with financial market volatility, supply chain disruptions, higher commodity prices and labour shortages. Several of these factors resulted in inflationary pressures, amid a recovery in demand as economies began to reopen.*

Ekonomi Malaysia juga berada di landasan pemulihan pada tahun 2021. Bagaimanapun, memandangkan kes Covid-19 tempatan mula meningkat pada Mei 2021, Kerajaan terpaksa memperkenalkan semula langkah-langkah pembendungan yang ketat di seluruh negara di bawah fasa pertama Pelan Pemulihan Nasional (NRP) pada Jun 2021. Ini telah menjejaskan momentum pemulihan. Namun begitu, kemajuan pantas Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan telah membolehkan sektor ekonomi dibuka semula secara beransur-ansur pada suku ketiga tahun itu. Eksport yang kukuh dan bantuan dasar berterusan untuk isi rumah dan perniagaan juga memberi sokongan kepada pertumbuhan dalam negeri. Secara keseluruhannya, ekonomi Malaysia menyaksikan pemulihan sederhana, dengan KDNK berkembang sebanyak 3.1% pada 2021 (2020: -5.5%).

*The Malaysian economy was also on the path of recovery in 2021. However, as local Covid-19 cases began to surge in May 2021, the Government had to reintroduce strict nationwide containment measures under the first phase of the National Recovery Plan (NRP) in June 2021. This affected the recovery momentum. Nonetheless, the swift progress of the National Covid-19 Immunisation Programme enabled economic sectors to gradually reopen in the third quarter of the year. Strong exports and continued policy aid for households and businesses also lent support to domestic growth. Overall, the Malaysian economy saw a moderate recovery, with GDP growing by 3.1% in 2021 (2020: -5.5%).*

#### Tinjauan Industri Pembinaan Malaysia

Pertumbuhan dalam sektor pembinaan mencatatkan penguncupan sebanyak 5.2% berbanding -19.4% pada tahun 2020. Ini disokong oleh peningkatan dalam aktiviti pembinaan khusus, bangunan bukan kediaman dan subsektor bangunan kediaman.

Sehingga Disember 2021, sebanyak 10,707 projek bernilai RM95.6 bilion telah direkodkan berbanding 7,655 projek bernilai RM68.7 bilion pada tahun 2020. Peningkatan ini telah didorong oleh penyambungan semula banyak projek pembinaan yang tergendala secara berperingkat yang memberi kesan besar dalam mengurangkan kerugian industri pembinaan.

#### Malaysian Construction Industry Overview

*Growth in the construction sector recorded a contraction of 5.2% compared to -19.4% in 2020. This was supported by an improvement in specialised construction activities, non-residential buildings and residential buildings subsectors.*

*As of December 2021, a total of 10,707 projects worth RM95.6 billion was recorded compared to 7,655 projects worth RM68.7 billion in 2020. The increase was spurred by the resumption of many stalled construction projects in stages which had a major impact in reducing the losses of the construction industry.*

#### Prospek Masa Hadapan

Ekonomi global diunjurkan berkembang sebanyak 3.2% pada 2022, berikutan jangkaan peningkatan beransur-ansur dalam kedua-dua ekonomi maju serta pasaran sedang pesat membangun dan ekonomi membangun.

Ekonomi Malaysia diunjur berkembang antara 5.5% hingga 6.5% pada 2022. Pertumbuhan akan disokong oleh penerusan pakej untuk memerangi Covid-19 yang mempunyai kesan limpahan untuk meningkatkan ekonomi. Ia juga disokong oleh peningkatan ketara dalam perdagangan global, harga komoditi yang stabil, pembendungan pandemik, dan peningkatan beransur-ansur dalam sentimen pengguna dan perniagaan.

Sektor pembinaan diunjurkan pulih sebanyak 11.5% pada tahun 2022 berikutan prestasi yang lebih baik dalam semua subsektornya. Subsektor kejuruteraan awam dijangka memperoleh semula pertumbuhan positifnya, berikutan beberapa projek infrastruktur utama, seperti Transit Aliran Ringan 3 (LRT3), Mass Rapid Transit 3 (MRT3), Sistem Transit Rapid Johor-Singapura (RTS) serta lebuh raya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak diteruskan dan dipercepatkan. Projek utiliti termasuk Hidroelektrik Baleh, Program Grid Bekalan Air Sarawak dan loji Solar 3 Berskala Besar, juga diunjurkan memacu pertumbuhan. Begitu juga, subsektor bangunan kediaman dijangka terus berkembang sejajar dengan langkah Kerajaan untuk menangani kekurangan rumah mampu milik. Langkah-langkah tersebut antara lain adalah penerusan skim Sewa Untuk Dimiliki dan pengecualian duti setem penuh untuk pembeli rumah kali pertama serta program Rumah Mesra Rakyat dan Perumahan Rakyat. Di samping itu, subsektor bangunan bukan kediaman dijangka bertambah baik, disokong oleh projek komersil yang sedang dijalankan, iaitu Kwasa Damansara, Tun Razak Exchange dan KLIA Aeropolis.

#### Future Prospects

*The global economy is projected to expand by 3.2% in 2022, following the expected gradual improvement in both advanced economies as well as emerging market and developing economies.*

*The Malaysian economy is projected to expand between 5.5% to 6.5% in 2022. Growth will be underpinned by the continuation of the packages to combat Covid-19 having spill over effects to boost the economy. It is also supported by significant improvement in global trade, stabilised commodity prices, containment of the pandemic, and gradual improvement in consumer and business sentiments.*

*The construction sector is projected to turn around by 11.5% in 2022 on account of better performance in all its subsectors. The civil engineering subsector is anticipated to regain its positive growth, following the continuation and acceleration of major infrastructure projects, such as Light Rail Transit 3 (LRT3), Mass Rail Transit 3 (MRT3), Johor-Singapore Rapid Transit System (RTS) as well as the Pan Borneo highways in Sabah and Sarawak. Utility projects including Baleh Hydroelectric, Sarawak Water Supply Grid Programme and Large-Scale Solar 3 plant, are also projected to spur growth. Similarly, the residential buildings subsector is expected to expand further in line with the Government's measures to address the shortage of affordable houses. The measures, among others, are the continuation of the Rent-to-Own scheme and full stamp duty exemptions for first-time home buyers as well as Rumah Mesra Rakyat and People's Housing programmes. In addition, the non-residential buildings subsector is anticipated to improve, backed by ongoing commercial projects, namely Kwasa Damansara, Tun Razak Exchange and KLIA Aeropolis.*

#### Prestasi CIDB Tahun 2021

Dalam memastikan setiap program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh CIDB akan menjana impak positif yang diperlukan untuk memajukan pertumbuhan industri pembinaan, tiga Pelan Strategik utama telah dibangunkan untuk memandu organisasi iaitu :

- Pelan Strategik CIDB 2021 - 2025 (CSP);
- Pelan Strategik ICT CIDB 2020 - 2025 (ISP); dan
- Pelan Antirasuah Organisasi CIDB 2021 - 2025 (OACP)

CSP merupakan pelan strategik 5 tahun bermula pada tahun 2021 yang mensasarkan CIDB menjadi peneraju dan rujukan utama dalam membangunkan industri pembinaan. Pencapaian CSP bagi tahun 2021 adalah sebanyak 97.2% berbanding sasaran 100% yang melibatkan 81 Strategik Inisiatif (SI).

ISP CIDB telah dibangunkan untuk tempoh pelaksanaan bermula 2020 sehingga 2025, dengan objektif agar CIDB menjadi *Insight-Driven Organization (IDO)* yang melangkaui penggunaan teknologi secara maksimum, dan pada masa yang sama ke arah organisasi yang menggalakkan penjanaan idea dan langkah penyelesaian masalah secara inovatif. Pada tahun 2021 sebanyak 21 KPI ISP telah berjaya dilaksanakan dengan pencapaian 98.3% berbanding sasaran 100%.

OACP CIDB 2021 - 2025 telah dibangunkan bagi menyokong Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023. OACP telah dilancarkan pada 12 Januari 2021 dengan memberi fokus kepada rasuah, integriti, salahguna kuasa, penyelewengan dan sebagainya. Ia merupakan sebuah pelan strategik dalam meningkatkan integriti CIDB dalam memberi khidmat kepada industri pembinaan. Pada tahun 2021, pencapaian OACP CIDB adalah 93% berbanding sasaran 100%.

Selain daripada pelan-pelan di atas, CIDB juga menyumbang sebanyak 21 KPI yang telah ditetapkan di bawah Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya. Daripada jumlah tersebut, 20 KPI telah mencapai 100%, manakala satu KPI mencapai 98%, menjadikan pencapaian keseluruhan adalah 99.5% berbanding sasaran 100%.

Pelan Induk C4.0 yang telah dilancarkan pada hujung tahun 2020 telah fokus kepada penyiapan strategi implementasi untuk dilaksanakan pada tahun 2022.

#### CIDB Performance in 2021

*In ensuring that every programme and initiative implemented by CIDB would generate the positive impact required to advance the growth of the construction industry, three main Strategic Plans had been developed to successfully steer the organization namely :*

- CIDB Strategic Plan 2021 - 2025 (CSP);
- CIDB ICT Strategic Plan 2020 - 2025 (ISP); and
- CIDB Organizational Anti-Corruption Plan 2021 - 2025 (OACP)

*The CSP is a 5-year strategic plan commencing in 2021 that targets CIDB to be the main leader and key reference in developing the construction industry. The CSP achievement for 2021 was 97.2% against the target of 100% involving 81 Strategic Initiatives (SI).*

*CIDB's ISP had been developed for the implementation period from 2020 to 2025, with the objective of CIDB becoming an Insight-Driven Organization (IDO) that transcends maximum use of technology, as well as moving towards an organization that encourages the generation of ideas and innovative solutions. In 2021, a total of 21 ISP KPIs had been successfully implemented with an achievement of 98.3% against the target of 100%.*

*The CIDB OACP 2021 - 2025 had been developed to support the National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019-2023. The OACP was launched on 12 January 2021 with a focus on corruption, integrity, abuse of power, malfeasance and others. It is a strategic plan to enhance CIDB's integrity in serving the construction industry. In 2021, CIDB's OACP achievement was 93% against the target of 100%.*

*Apart from the above plans, CIDB also contributed a total of 21 KPIs that have been set under the Organizational Strategic Plan of the Ministry of Works. Out of these, 20 KPIs had achieved 100%, while one KPI had achieved 98%, making the overall achievement at 99.5% against the target of 100%.*

*The C4.0 Master Plan which was launched at the end of 2020 had focused on the completion of the implementation strategies for implementation in 2022.*



### Penghargaan

Berlatarbelakangkan persekitaran yang mencabar, CIDB telah berjaya memainkan peranannya dalam memastikan industri pembinaan mampu bangkit dan menyumbang secara signifikan ke arah pembinaan negara. Ini tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi daripada semua pihak yang berkenaan, sama ada dari dalaman mahupun luaran.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih Lembaga Pengarah kepada Datuk Dr. Syed Sharifuddin Syed Ikhsan yang telah bersara daripada perkhidmatan awam. Khidmat cemerlang yang dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan beliau amat penting terutamanya dalam memudahkan urusan berkaitan Kementerian Kerja Raya. Lembaga Pengarah juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan pengiktirafan kepada Datuk Ir. Elias Ismail, bekas Timbalan Ketua Eksekutif I yang juga telah bersara daripada perkhidmatan awam selepas berkhidmat selama 23 tahun di CIDB. Semoga Allah mengurniakan masa depan yang maju dengan penuh kesihatan dan kesejahteraan untuk kedua-duanya.

Kami mengalu-alukan pelantikan Tan Sri Sufri Mohd Zin, Presiden *Master Builders Association Malaysia (MBAM)* yang menyertai kami pada Jan 2021. Saya amat percaya Tan Sri Sufri akan dapat mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi CIDB dengan pengetahuan, kepakaran dan pengalamannya yang luas dalam membimbing CIDB ke tahap yang lebih tinggi.

Sesungguhnya, masa yang mencabar untuk industri masih belum surut, walaupun terdapat beberapa sebab untuk berasa optimis di masa hadapan, sikap berjaga-jaga masih perlu diamalkan. Isu yang dihadapi oleh industri hari ini adalah lebih kompleks dan pelbagai, justeru memerlukan tenaga kerja yang adaptif dan dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan. Hanya dengan itu CIDB akan dapat menyampaikan mandatnya secara berkesan dengan standard profesionalisme dan integriti yang tinggi.

Akhir sekali, terima kasih kepada semua pihak berkepentingan, pasukan pengurusan yang berdedikasi dan warga CIDB yang komited. Dengan sokongan padu mereka, kita berada di landasan yang betul bagi merealisasikan aspirasi untuk menjadi pihak berkuasa yang menerajui penyediaan penyelesaian bagi membangunkan industri yang bertanggungjawab terhadap sosial dan alam sekitar.

### Appreciations

*Against the backdrop of a challenging environment, CIDB had managed to continue playing its role diligently in ensuring the construction industry is able to revive and significantly contribute towards nation-building. This would not be made possible without the unwavering support and commitment of all parties concerned, both internally as well as externally.*

*I want to take this opportunity to express the entire Board's sincere gratitude and appreciation to Datuk Dr. Syed Sharifuddin Syed Ikhsan who had since retired from the civil service. The excellent services rendered during his term had been instrumental, especially in facilitating matters concerning the Ministry of Works. The Board would also want to express our utmost commendation and recognition for Datuk Ir. Elias Ismail, the former Deputy Chief Executive I who had also retired from the civil service after having served CIDB for 23 years. May Allah accord a prosperous and healthy future for both.*

*We welcome the appointment of Tan Sri Sufri Mohd Zin, the President of Master Builders Association Malaysia (MBAM) who joined us in Jan 2021. I sincerely believe that Tan Sri Sufri will further enhance and strengthen CIDB with his vast knowledge, expertise and experience in guiding CIDB to greater heights.*

*Indeed, challenging times for the industry have yet to recede, though there is some cause for optimism in the path ahead, we must remain vigilant. The issues confronting the industry today are more complex and diverse, thus requiring a workforce that is adaptive and equipped with the necessary knowledge and skills. Only then will CIDB be able to deliver its mandate effectively with the highest standards of professionalism and integrity.*

*Finally, thank you to all our stakeholders, our dedicated management team and committed Warga CIDB. With their steadfast support, we are on track to realise our aspiration of becoming the leading authority on solutions for developing a socially and environmentally responsible industry.*

“

**“Berlatarbelakangkan persekitaran yang mencabar, CIDB telah berjaya memainkan peranannya dalam memastikan industri pembinaan mampu bangkit dan menyumbang secara signifikan ke arah pembinaan negara.”**

***Against the backdrop of a challenging environment, CIDB had managed to continue playing its role diligently in ensuring the construction industry is able to be revived and significantly contribute towards nation-building.***

”

**YB. Ir. Hj. Yusuf Hj. Abd. Wahab**

Pengerusi / Chairman





# ACARA UTAMA

## MAIN EVENTS

30 JUN  
JUNE  
2021

**LAWATAN KERJA MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA, YB KHAIRY JAMALUDDIN KE PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) CONSTRUCTION INDUSTRY VACCINATION (CIVAC) PROGRAMME SEKTOR PEMBINAAN DI PUSAT KONVENSYEN CIDB MALAYSIA**

**WORKING VISIT BY THE MINISTER OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION MALAYSIA, YB KHAIRY JAMALUDDIN TO THE CONSTRUCTION INDUSTRY VACCINATION (CIVAC) PROGRAMME VACCINATION CENTRE (PPV) CONSTRUCTION SECTOR AT THE CIDB MALAYSIA CONVENTION CENTRE**

Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof bersama YB Khairy Jamaluddin, Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan telah meninjau proses vaksinasi di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) *Construction Industry Vaccination (CIVac) Programme* di Pusat Konvensyen CIDB.

Industri pembinaan dianggarkan memerlukan dua juta dos vaksin bagi memastikan semua pekerja dalam sektor itu mendapat imunisasi terhadap Covid-19, agar dapat kembali menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Dalam melaksanakan proses imunisasi pekerja sektor pembinaan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah memperkenalkan program CIVac yang merupakan program kerjasama kerajaan dan swasta. Ia bertujuan untuk mempercepatkan pengambilan vaksinasi di kalangan pekerja pembinaan bagi mengurangkan bilangan kluster Covid-19 dalam kelompok tempat kerja.

Selain daripada program CIVac di Pusat Konvensyen CIDB Jalan Cheras untuk pekerja binaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, program ini juga telah dibuka di Kompleks Sukan Negara Panasonic, Shah Alam, Dewan Besar CIDB Negeri Johor, Grand Darul Makmur Hotel Kuantan dan Sunway Carnival Convention Centre Seberang Jaya, Pulau Pinang. Sebanyak 202,982 vaksin telah digunakan untuk pekerja binaan yang meliputi 102,802 orang bagi dos 1 dan 100,180 orang untuk dos 2.

*Senior Minister of Public Works, YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof together with YB Khairy Jamaluddin, the Coordinating Minister for the National Covid-19 Immunization Programme inspected the vaccination process at the Construction Industry Vaccination (CIVac) programme Vaccination Centre (PPV) at the CIDB Convention Centre.*

*The construction industry is estimated to require two million doses of vaccine to ensure that all workers in the sector are immunized against Covid-19, in order to continue contributing to the country's economic development.*

*In implementing the immunization process for workers in the construction sector, the Malaysian Construction Industry Development Board (CIDB) introduced the CIVac programme which was a government and private collaboration programme. It aimed at accelerating the uptake of vaccination among construction workers to reduce the number of Covid-19 clusters in the workplace.*

*Apart from the CIVac programme at the CIDB Convention Centre Jalan Cheras for construction workers in the Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya, this program was also opened at the Panasonic National Sports Complex, Shah Alam, CIDB Johor Main Hall, Grand Darul Makmur Hotel Kuantan and Sunway Carnival Convention Centre Seberang Jaya, Pulau Pinang. A total of 202,982 vaccines were used for construction workers covering 102,802 workers for dose 1 and 100,180 workers for dose 2.*

Inisiatif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk meningkatkan keselamatan dalam pembinaan telah dapat dilaksanakan melalui satu kerjasama dengan *Master Builders Association Malaysia* (MBAM) bagi menjalankan program peningkatan kemahiran untuk Penyelia Pengangkat di Malaysia. Ia merupakan sebahagian daripada pembangunan dalam latihan CIDB yang disasarkan kepada personel industri pembinaan.

Kontraktor dan personel binaan adalah digalakkan untuk terus meningkatkan kemahiran dan mengemas kini pengetahuan mereka dalam pembinaan memandangkan industri telah semakin maju dengan teknologi dan inovasi. Program ini selaras dengan Pelan Strategik CIDB 2021 - 2025, yang memperincikan Keselamatan dan Profesionalisme sebagai salah satu tonggak terasnya dalam memacu industri pembinaan ke hadapan.

Sejak 2019, CIDB telah memberi subsidi 50% daripada yuran latihan untuk Penyelia Pengangkat serta latihan untuk Pegawai Keselamatan & Kesihatan (SHO) dan Penyelia Keselamatan Tapak (SSS). CIDB telah memperuntukkan bajet yang bernilai hampir RM1 juta untuk memberi subsidi kepada latihan SHO, SSS dan Penyelia Pengangkat untuk tahun hadapan.

*The initiative of the Malaysian Construction Industry Development Board (CIDB) to improve safety in construction had been implemented through a partnership with the Master Builders Association of Malaysia (MBAM) to conduct an upskilling programme for Lifting Supervisors in Malaysia. It is part of CIDB's development in training targeted at construction industry personnel.*

*Contractors and construction personnel are encouraged to continuously upskill and update their knowledge in construction as the industry has become more advanced with technology and innovation. This programme is in line with the CIDB Strategic Plan 2021 - 2025, which details Safety and Professionalism as one of its core pillars in driving the construction industry forward.*

*Since 2019, CIDB had been subsidizing 50% of the training fees for Lifting Supervisors as well as training for Safety & Health Officers (SHO) and Site Safety Supervisors (SSS). CIDB had allocated a budget worth close to RM1 million to subsidise SHO, SSS and the Lifting Supervisor training for next year.*

30 SEP  
SEP  
2021

**CIDB BEKERJASAMA DENGAN MBAM UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN PENYELIA PENGANGKAT BAGI MENAMBAHBAIK KESELAMATAN DALAM PEMBINAAN**

**CIDB PARTNERS WITH MBAM TO UPSKILL LIFTING SUPERVISORS TO IMPROVE SAFETY IN CONSTRUCTION**



## MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA CIDB MALAYSIA DAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN

### THE SIGNING CEREMONY OF THE MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN CIDB MALAYSIA AND THE GOVERNMENT OF KELANTAN

17 OKT \  
OCT  
2021

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Kelantan untuk mewujudkan Taman Perindustrian Sistem Binaan Berindustri (IBS) yang pertama di negara ini. Kerjasama ini dimeterai melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh CIDB bersama Kerajaan Negeri Kelantan di Kota Bharu, Kelantan.

Taman Perindustrian IBS ini yang merupakan salah satu inisiatif di bawah Program Kecemerlangan IBS di Kelantan akan dibangunkan di tanah berkeluasan 200 ekar di Sungai Bagan, Machang yang telah disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Ia akan memperkukuhkan jaringan ekosistem IBS di Malaysia seterusnya dapat meningkatkan bilangan penggiat IBS terutamanya di kalangan Bumiputera dan usahawan kecil & sederhana (SMEs).

MoU ini ditandatangani oleh Setiausaha Kerajaan Kelantan, YB Dato' Kaya Setia Datuk Nazran Bin Muhammad dan Ketua Eksekutif CIDB, Datuk Ir. Ahmad 'Asri Bin Abdul Hamid.

*The Malaysian Construction Industry Development Board (CIDB) had collaborated with the Kelantan State Government to create the first Industrial Building System (IBS) Industrial Park in the country. This cooperation was sealed through a Memorandum of Understanding (MoU) signed by CIDB with the Kelantan State Government in Kota Bharu, Kelantan.*

*This IBS Industrial Park is one of the initiatives under the IBS Excellence Program in Kelantan to be developed on 200 acres of land in Sungai Bagan, Machang contributed by the Kelantan State Government. It will strengthen the IBS ecosystem network in Malaysia and further increase the number of IBS players especially among the Bumiputera and small & medium entrepreneurs (SMEs).*

*This MoU was signed by the Secretary to the Government of Kelantan, YB Dato' Kaya Setia Datuk Nazran Bin Muhammad and CIDB Chief Executive, Datuk Ir. Ahmad 'Asri Bin Abdul Hamid. The ceremony was witnessed by the Menteri Besar of Kelantan, YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob as well as the Senior Minister of Public Works, YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof and the Minister in the Prime Minister's Department (Economy), YB Dato' Sri Mustapa Bin Mohamed.*

*Efforts to increase and expand the use of IBS construction methods began in 2018, when CIDB Malaysia through its subsidiary CIDB IBS Sdn Bhd entered into a collaboration with the Kelantan Housing Contractors Association (PKPK). The collaboration had been the catalyst for the usage of IBS in construction projects in Kelantan and became the starting point for the Kelantan State Government to expand the initiative to entrepreneurs in Kelantan, especially in the construction sector. One of the best methods to realize the agenda is through the proposed construction of the IBS Industrial Park.*

Majlis disaksikan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob serta Menteri Kanan Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), YB Dato' Sri Mustapa Bin Mohamed.

Usaha bagi meningkat dan mengembangkan penggunaan kaedah pembinaan IBS telah bermula pada tahun 2018, apabila CIDB Malaysia melalui anak syarikatnya, CIDB IBS Sdn Bhd menjalin kerjasama dengan Persatuan Kontraktor Perumahan Kelantan (PKPK). Kolaborasi ini telah menjadi pemangkin kepada penggunaan IBS dalam projek pembinaan di Kelantan dan menjadi titik tolak kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk memperluaskan inisiatif ini kepada usahawan di Kelantan terutama dalam sektor pembinaan. Salah satu kaedah terbaik bagi merealisasikan agenda tersebut adalah melalui cadangan pembinaan Taman Perindustrian IBS.

02 NOV \  
NOV  
2021

## MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA CIDB MALAYSIA DAN MARA

### THE SIGNING CEREMONY OF THE MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN CIDB MALAYSIA AND MARA

Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) bagi inisiatif meningkatkan keupayaan dan daya saing kontraktor bumiputera dalam industri pembinaan.

MARA di bawah kelolaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedang berusaha untuk membangunkan rantaian bekalan sistem binaan berindustri (IBS) di mana CIDB boleh membantu dalam menyediakan program pembangunan IBS yang berstruktur dan komprehensif menerusi pemeteraian MoU berkenaan.

MARA sentiasa mencari peluang bagi memastikan graduan lepasan Institusi Pendidikan MARA (IPMA) serta pelatih Giat MARA dalam bidang seni bina dan teknologi bangunan menjadi modal insan yang kompeten di pasaran pekerjaan. Justeru, kerjasama bersama CIDB merupakan satu kolaborasi industri yang tepat dalam memacu pembangunan industri pembinaan dalam negara. CIDB dan MARA akan bekerjasama membangun dan memudahcara usahawan IBS melalui Program Pembangunan Vendor (VDP) IBS.

MoU ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah MARA, Datuk Azhar Abdul Manaf dan Ketua Eksekutif CIDB, Datuk Ir. Ahmad 'Asri Bin Abdul Hamid. Majlis disaksikan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid serta Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof.

*Majlis Amanah Rakyat (MARA) and the Malaysian Construction Industry Development Board (CIDB) had signed a Memorandum of Understanding (MoU) for an initiative to increase the ability and competitiveness of bumiputera contractors in the construction industry.*

*MARA under the management of the Ministry of Rural Development is working to develop an industrialized building system (IBS) supply chain where CIDB can assist in providing a structured and comprehensive IBS development program through the signing of the MoU.*

*MARA is always looking for opportunities to ensure graduates of the MARA Educational Institution (IPMA), as well as Giat MARA trainees in the field of architecture and building technology develop into competent human capital in the job market. Thus, the cooperation with CIDB is an industry collaboration that is most appropriate in driving the development of the construction industry in the country. CIDB and MARA will work together to develop and facilitate IBS entrepreneurs through the IBS Vendor Development Program (VDP).*

*The MoU was signed by the Director General of MARA, Datuk Azhar Abdul Manaf and the Chief Executive of CIDB, Datuk Ir. Ahmad 'Asri Bin Abdul Hamid. The ceremony was witnessed by the Minister of Rural Development, Datuk Seri Mahdzir Khalid and the Senior Minister of Public Works, YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof.*



09 NOV  
 \ NOV  
 2021

#### MINGGU PEMBINAAN ANTARABANGSA (ICW) 2021

#### INTERNATIONAL CONSTRUCTION WEEK (ICW) 2021

Majlis Pembukaan *International Construction Week (ICW) 2021 & ASEAN Super 8 Virtual Connect Exhibition 2021* telah disempurnakan menerusi sidang layar oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob Perdana Menteri Malaysia yang telah dihadiri seramai 824 orang jemputan dari dalam dan luar negara.

ICW 2021 telah menggabungkan beberapa program yang meliputi seminar, pameran, persidangan dan padanan perniagaan. Kesemua aktiviti tersebut telah dilaksanakan dengan kerjasama beberapa Jabatan Kerajaan, Syarikat Swasta dan Persatuan Industri Pembinaan.

Seramai 3055 orang peserta dan pengunjung telah turut serta dalam program-program ICW 2021 & ASEAN Super 8 2021 termasuk pameran, persidangan dan webinar. Program tahunan ini turut menarik penglibatan dan sokongan 61 rakan industri termasuk PETRONAS, SIME DARBY, MATRADE, RISM, UEM dan WCT.

*The Opening Ceremony of the International Construction Week (ICW) 2021 & ASEAN Super 8 Virtual Connect Exhibition 2021 was officiated virtually by the Honourable Prime Minister of Malaysia, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob which was attended by 824 participants from local and international.*

*ICW 2021 had integrated several programmes covering seminars, exhibitions, conferences and business matchings. All these activities had been carried out in collaboration with several Government Departments, Private Companies and Construction Industry Associations.*

*A total of 3055 participants and visitors had participated in ICW 2021 & ASEAN Super 8 2021 programmes including exhibitions, conferences and webinars. This annual programme had also attracted the involvement and support of 61 industry partners including PETRONAS, SIME DARBY, MATRADE, RISM, UEM and WCT.*

14 DIS  
 \ DEC  
 2021

#### MAJLIS PENGANUGERAHAN DAN PENCAPAIAN CEMERLANG QLASSIC - SHASSIC 2021

#### QLASSIC - SHASSIC 2021 EXCELLENCE AWARD AND ACHIEVEMENT CEREMONY

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia telah meraikan syarikat-syarikat pembinaan yang berjaya mencapai skor yang tinggi dalam Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan (QLASSIC) dan Sistem Penilaian Keselamatan dan Kesihatan dalam Pembinaan (SHASSIC) yang telah dinilai pada tahun 2020.

Hari QLASSIC serta Hari SHASSIC merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh CIDB untuk mengiktiraf penggiat industri yang mencapai kecemerlangan dalam kualiti pembinaan serta amalan keselamatan dan kesihatan.

Majlis yang telah diadakan di Pusat Konvensyen CIDB Malaysia, Cheras dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Arthur Joseph Kurup yang turut menyampaikan anugerah kepada syarikat yang terlibat. Turut hadir adalah Datuk Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia.

*The Malaysian Construction Industry Development Board (CIDB) had celebrated construction companies that had achieved high scores in the Quality Assessment System in Construction (QLASSIC) and the Health and Assessment System in Construction (SHASSIC) which were assessed in 2020.*

*QLASSIC Day and SHASSIC Day are annual events organized by CIDB to recognize industry players who achieved excellence in construction quality as well as safety and health practices.*

*The ceremony which was held at CIDB Malaysia Convention Centre, Cheras was officiated by the Deputy Minister of Public Works, YB Datuk Arthur Joseph Kurup who also presented the awards to the companies involved. Also present was Datuk Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid, the Chief Executive of CIDB Malaysia.*

Untuk tahun 2020, purata skor penilaian QLASSIC telah meningkat kepada 71% berbanding tahun 2019 iaitu 69%. Sebanyak 13 projek pembinaan telah mendapat skor 85% ke atas berbanding tiga (3) projek pembinaan pada tahun 2019. Trend projek yang mendapat skor QLASSIC 85% dan ke atas dilihat terus meningkat sejak QLASSIC dilaksanakan. Skor tertinggi yang dicapai untuk QLASSIC sehingga tahun 2020 adalah 90%.

Bagi SHASSIC pula, jumlah penilaian projek di tapak bina pada tahun 2020 hanyalah 100 projek berbanding 352 projek pada tahun 2019 berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19 yang telah menyebabkan banyak projek tergendala. Daripada jumlah itu, 40 projek berjaya mencapai taraf 5 bintang iaitu mencapai peratusan skor 90 ke atas.

*For 2020, the average QLASSIC assessment score had increased to 71% compared to 2019 which was 69%. A total of 13 construction projects had received a score of 85% and above compared to three (3) construction projects in 2019. The trend of projects that received a QLASSIC score of 85% and above is seen to be increasing since QLASSIC was implemented. The highest score achieved for QLASSIC until 2020 was 90%.*

*As for SHASSIC, the total number of project assessments on construction sites in 2020 was only 100 projects compared to 352 projects in 2019 following the Movement Control Order (MCO) due to the Covid-19 pandemic which had disrupted many projects. Of that number, 40 projects managed to attain the 5 star standard, i.e. achieving a percentage score of 90 or above.*





# DIARI CIDB MALAYSIA 2021

CIDB MALAYSIA 2021 DIARY

**12** JAN / JAN  
2021



Majlis Penyerahan Dokumen CSP 2021 - 2025 dan Pelan Tindakan OACP 2021 - 2025 kepada Ketua-ketua Bahagian CIDB

*Handing Over Ceremony for the CSP 2021 - 2025 Document and OACP 2021 - 2025 Action Plan to CIDB Heads of Division*



JAN / JAN  
2021 **25**

Sesi Libat Urus Bersama Wakil Industri Berkaitan Pematuhan dan Penguatkuasaan SOP di Tapak Pembinaan

*Engagement Session with Industry Representatives Related to SOP Compliance and Enforcement at Construction Sites*



**03** FEB / FEB  
2021

Operasi Penguatkuasaan Pematuhan Akta 466 & Akta 342 Jabatan Tenaga Kerja WPKL bersama CIDB MALAYSIA, JKPP & PERKESO


*Enforcement Operation on Compliance to Act 446 & Act 342 by Department of Labour WPKL Together with CIDB Malaysia, DOSH & SOCSO*



**23** FEB / FEB  
2021

Operasi Penguatkuasaan Khas Tapak Pembinaan CIDB Negeri Melaka Bersama Agensi - Jabatan Kerajaan Negeri Melaka

*Special Enforcement Operation of Melaka State CIDB Construction Site Together with Melaka State Government Department and Agencies*



**05** FEB / FEB  
2021

Pemeriksaan Penempatan Pekerja Tapak Bina Di Projek Pembinaan Pangsapuri Mewah Di Bukit Bintang

*Inspection on the Workers' Quarters of the Luxury Apartment Construction Project in Bukit Bintang*

**05** FEB / FEB  
2021

Pemeriksaan Mengejut Menteri Kanan Kerja Raya ke Tapak Projek Pembinaan Pangsapuri Mewah di Jalan Uthant

*Surprise Inspection by the Senior Minister of Works to the Luxury Apartment Construction Project Site at Jalan Uthant*







# 04 MAC / MARCH 2021

Mesyuarat Jawatankuasa Menteri CITP ke-8 di Kementerian Kerja Raya  
*8th CITP Ministerial Committee Meeting at the Ministry of Works*



# 10 MAC / MARCH 2021

Sesi Libat Urus bersama Penganjur Industri Pembinaan bagi Membincangkan mengenai Penginapan Pekerja di Tapak Bina  
*Engagement Session With Construction Industry Players To Discuss Construction Site Workers Accommodation*



Operasi Penguatkuasaan CIDB Ke Projek Pembinaan Pangsapuri Servis di Kepong  
*CIDB Enforcement Operations on the Serviced Apartment Construction Project in Kepong*

# MEI / MAY 02 2021

# 30 JUN / JUNE 2021

Lawatan Kerja Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia, YB Khairy Jamaluddin ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Construction Industry Vaccination Programme (CIVac) Sektor Pembinaan di Pusat Konvensyen CIDB Malaysia

2.	OC2.1.1	Kumpulan pakar bahan binaan telah dibentuk melalui pembangunan latihan Subject Matter Expert (SME) dan pewujudan Special Interest Group (SIG). <i>The building material expert group had been formed through the development of Subject Matter Expert (SME) training and the creation of a Special Interest Group (SIG).</i>
3.	OC2.1.2	Peningkatan kompetensi dalam bidang tugas untuk menyokong inovasi & penyampaian penyelesaian telah dilaksanakan melalui 94 kursus (52 teknikal dan 42 generik) dalaman dan luaran. <i>Enhancement of work competency to support innovation &amp; solutioning had been implemented through 94 internal and external courses (52 technical and 42 generic courses).</i>
4.	OC3.1.1	Indeks kajian kepuasan pelanggan mencapai 81% dan hasil kaji selidik nilai-nilai teras CIDB terhadap staf menunjukkan kesedaran dan kefahaman yang tinggi. <i>The customer satisfaction survey index achieved 81% and the results of a survey on CIDB's core values among staff showed a high level of awareness and understanding.</i>
5.	OC3.1.2	Peralatan disinfeksi telah dibekalkan ke semua pejabat-pejabat CIDB. <i>Disinfection equipment had been provided to all CIDB offices.</i>
6.	OC4.1.1	Sistem untuk menganalisa perisikan data FM telah siap dibangunkan dan menanda aras parameter penting untuk FM sedang dijalankan. <i>A system to analyse FM data intelligence had been developed and benchmarking of important parameters for FM is underway.</i>
7.	OC4.1.2	Sebanyak 42,294 dokumen projek telah diimbas dari anggaran dokumen sebanyak 120,000 dalam usaha pendigitalan dokumen levi. <i>A total of 42,294 project documents were scanned from an estimated 120,000 documents in the effort to digitize levy documents.</i>
8.	OC4.1.3	Sebanyak 149,647 maklumat pendaftaran kontraktor dan projek pembinaan yang diterima telah disemak dan dibersihkan dalam tempoh lima (5) hari bekerja. <i>A total of 149,647 information on contractor registration and construction project received was reviewed and cleared within five (5) working days.</i>
9.	OC4.1.4	Data sumber manusia telah dimuatnaik ke dalam Sistem SAP : HANA untuk digunakan secara optimum bagi melancarkan urusan berkaitan perkhidmatan staf. <i>Human resource data has been uploaded into the SAP : HANA System to be optimally used to facilitate matters related to staff services.</i>

NO	KOD / CODE	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
10.	OC4.1.5	Sebanyak 105 kursus/latihan secara hybrid telah dijalankan (89 kursus atas talian dan 16 kursus secara fizikal). <i>A total of 105 hybrid courses/training have been conducted (89 online courses and 16 physical courses).</i>
11.	OC4.1.6	Templat bagi menganalisa kewangan CIDB telah disediakan untuk digunakan dalam melaporkan prestasi kewangan CIDB. <i>A template to analyze CIDB's finances had been prepared for usage in reporting CIDB's financial performance.</i>
12.	OC4.1.7	Pembangunan dan pelaksanaan Analitik Data Raya telah siap seperti yang dinyatakan dalam ISP ST6. <i>The development and implementation of Big Data Analytics had been completed as specified in ISP ST6.</i>
13.	OC4.1.8	Ruang dalaman The Met yang dilengkapi dan diintegrasikan dengan keperluan Audio Visual (AV) dan IT sedang dibina dan dijangka siap pada 2022. <i>The Met's interior spaces equipped and integrated with Audio Visual (AV) and IT requirements are being constructed with a completion date in 2022.</i>
14.	OC5.1.1	Proses dan koordinasi bajet CIDB telah ditambahbaik untuk penyediaan Bajet 2022. <i>The CIDB budget process and coordination had been enhanced for the preparation of the 2022 Budget.</i>
15.	OC5.1.2	Penyelenggaraan dan penambahbaikan Portal CONVINCe siap 100% di mana 38 CR (change request) telah dilaksanakan. CONVINCe versi 2.0 (pindaan) telah go live pada 13 Disember 2021 dengan bilangan pengguna berdaftar seramai 6,041. <i>The maintenance and enhancement of the CONVINCe Portal were 100% complete where 38 CR (change requests) had been implemented. CONVINCe version 2.0 (amendment) go live on 13 December 2021 with a total of 6,041 registered users.</i>
16.	OC5.2.1	Pelan penjimatan kos yang melibatkan percetakan berwarna telah disediakan untuk digunakan pada 2022. <i>A cost saving plan involving colour printing had been prepared for use in 2022.</i>
17.	OC5.3.1	Polisi penetapan Had Minimum Rizab CIDB telah ditetapkan kepada 12 bulan berjumlah RM120 juta setelah mengambil kira liabiliti. <i>CIDB's Reserve Minimum Limit policy has been set at 12 months amounting to RM120 million after taking into account liabilities.</i>
18.	OC5.4.2	Prestasi perbelanjaan tahun 2021 berjaya mencapai matlamat tidak melebihi peruntukan Bajet 2021 melalui kawalan bajet dalam Sistem SAP. <i>The 2021 expenditure performance had successfully achieved the goal of not exceeding the 2021 budget allocation through budget control in the SAP System.</i>



OC5.1.2  
CONVINCe versi 2.0 (pindaan) telah go live pada 13 Disember 2021.  
CONVINCe version 2.0 (amendment) go live on 13 December 2021.

# PELAN STRATEGIK ICT CIDB 2020-2025 (ISP)

*CIDB ICT STRATEGIC PLAN 2021-2025 (ISP)*

## Pengenalan

Pelan Strategik ICT CIDB 2020 - 2025 (ISP) telah dibangunkan untuk mewujudkan sebuah hala tuju ICT yang akan menyokong CIDB melalui peningkatan kemahiran ICT, proses, teknologi, data dan keupayaan strategik menerusi enam (6) Teras Strategik yang terangkum dalam pelan ini. Ia berhasrat untuk memberikan kemudahan yang terbaik kepada semua lapisan masyarakat melalui penggunaan teknologi.

Dengan tema "Membangunkan Idea, Mencapai Inspirasi", ISP bervisikan "Untuk menggerakkan CIDB sebagai satu Organisasi Berteraskan Wawasan, dijamin dan mampan" beserta misi "Untuk meningkatkan ekosistem ICT CIDB ke arah organisasi inovatif, inklusif dan bersepadu".


ISP disokong oleh enam (6) Teras Strategik (ST) yang menjadi asas kepada hala tuju ICT CIDB terdiri daripada berikut :

## Introduction

The CIDB ICT Strategic Plan 2020 - 2025 (ISP) was developed to establish an ICT direction that will support CIDB through the enhancement of ICT skills, processes, technology, data and strategic capabilities through the six (6) Strategic Thrusts contained in this plan. It intends to provide the best facilities to all walks of life through the use of technology.

With the theme "Developing Ideas, Achieving Inspiration", ISP has a vision "To propel CIDB towards an Insight-Driven Organization, secured and sustainable" with a mission "To enhance the CIDB ICT ecosystem towards an innovative, inclusive and integrated organization".

ISP is supported by six (6) Strategic Thrusts (ST) that form the core to CIDB's ICT direction, consisting of the following :



Enam (6) ST di atas didukung oleh lapan (8) Strategi Utama yang akan dilaksanakan melalui 46 program oleh pelbagai Sektor, Bahagian dan Unit di seluruh CIDB. Strategi Utama tersebut adalah :

The six (6) STs above are supported by eight (8) Main Strategies that will be implemented through 46 programmes by various Sectors, Divisions and Units throughout CIDB. The main strategies are :

- S.1** Meningkatkan Penglibatan Dengan Pihak Berkepentingan  
*Enhance Engagement With Stakeholders*
- S.2** Memperkukuh Keselamatan ICT  
*Strengthen ICT Security*
- S.3** Menggunakan dan Menyokong Penyelesaian Mampan & Inovatif;  
*Deploy and Maintain Sustainable & Innovative Solutions*
- S.4** Meningkatkan Kemahiran dan Kecekapan Tenaga Kerja  
*Enhance Workforce Skills and Competencies*
- S.5** Meningkatkan Perkhidmatan ICT  
*Enhance ICT Services*
- S.6** Mendorong Transformasi Digital  
*Drive Digital Transformation*
- S.7** Mewujudkan Ekosistem yang Berteraskan Wawasan di CIDB  
*Institutionalise an Insight Driven Ecosystem in CIDB*
- S.8** Melaksanakan Piawaian dan Amalan Terbaik ICT  
*Implement Standards and ICT Best Practices*

Tadbir urus ICT adalah perlu untuk meningkatkan ketelusan, akauntabiliti, kecekapan dan memperuntukkan sumber bagi CIDB mencapai Visi dan Misi ICT yang dikehendaki disamping mengawal kos dan belanjawan sepanjang tempoh pelaksanaannya. Untuk tujuan itu, ISP telah menggunakan tadbir urus CSP bagi segala urusan pelaporan dan pemantauan.

ICT governance is necessary to enhance transparency, accountability, efficiency and to allocate resources for CIDB to achieve the desired ICT Vision and Mission whilst controlling costs and budgets throughout its implementation period. For that purpose, ISP has used the CSP governance for all reporting and monitoring matters.



## Pencapaian ISP 2020 - 2025

Tahun 2021 merupakan tahun kedua pelaksanaan ISP yang berjaya mencapai kemajuan 98.3% berbanding sasaran 100%. Sebanyak 21 KPI daripada 46 KPI asal telah berjaya dilaksanakan dengan pencapaian 20 KPI melebihi 95% (hijau) dan hanya satu (1) KPI mencapai antara 50% - 95% (kuning). Berikut adalah ringkasan status KPI ISP beserta pencapaiannya :

### ISP Achievements 2020 - 2025

The year 2021 is the second year of ISP implementation which successfully achieved 98.3% progress compared to the target of 100%. A total of 21 KPIs out of the original 46 KPIs have been successfully implemented with the achievement of 20 KPIs exceeding 95% (green) and only one (1) KPI reaching between 50% - 95% (yellow). The following is a summary of ISP KPI status and its achievements :

ST	KPI	PROGRAM / PROGRAMMES	KENYATAAN / PENCAPAIAN / REMARKS / ACHIEVEMENTS
1.	1.1	Menaik Taraf Portal Korporat CIDB. <i>Enhance CIDB's Corporate Portal.</i>	Portal Korporat CIDB telah dinaiktaraf pada Q2 2021. <i>The CIDB Corporate Portal was upgraded in Q2 2021.</i>
	1.2	Membangunkan Portal Staf CIDB. <i>Develop CIDB's Staff Portal.</i>	KPI telah digabungkan dibawah ST5.9. <i>The KPI was merged under ST5.9.</i>
2.	2.1	Membangun, Mengemaskini, Komunikasi, Menyelenggara dan Menguatkuasakan Dasar ICT. <i>Develop, Update, Communicate, Maintain and Enforce ICT Policies.</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan. <i>The programme was achieved and its implementation continues.</i>
	2.2	Membangunkan Rangka Kerja Enterprise Architecture CIDB. <i>Develop a CIDB Enterprise Architecture Framework.</i>	KPI akan bermula pada tahun 2023. <i>The KPI will commence in 2023.</i>
	2.3	Pelaksanaan ISP secara berterusan. <i>Continuous implementation of ISP.</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan. <i>The programme was achieved and its implementation continues.</i>
	3.1	Transformasi BPM. <i>BPM Transformation.</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan. <i>The programme was achieved and its implementation continues.</i>
3.	3.2	Meningkatkan Pengurusan Aset ICT. <i>Enhance ICT Asset Management.</i>	KPI telah digabungkan di bawah ST2.1. <i>The KPI was merged under ST2.1.</i>
	3.3	Membangunkan dan melaksanakan Proses Keselamatan ICT dan SOP untuk mencegah, mengurangkan dan memperbetulkan Isu keselamatan. <i>Develop and formalise ICT Security Processes and SOPs to prevent, mitigate and rectify security issues.</i>	KPI telah digabungkan di bawah ST3.2. <i>The KPI was merged under ST3.2.</i>
	3.4	Pelaksanaan ISMS. <i>Implementation of ISMS.</i>	KPI akan bermula pada tahun 2023. <i>The KPI will commence in 2023.</i>
	3.5	Mendapatkan Pensijilan ITIL. <i>Obtain ITIL Certification.</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan. <i>The programme was achieved and its implementation continues.</i>
	3.6	Menyediakan Kemudahan Fasiliti ICT di Ibu Pejabat CIDB yang baru. <i>Implementation of ICT facilities for CIDB's new HQ.</i>	KPI akan bermula pada tahun 2022. <i>The KPI will commence in 2022.</i>
	3.7	Membangun dan Menyenggara Pelan Pengurusan Rangkaian. <i>Develop and maintain the Network Management Plan.</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan. <i>The programme was achieved and its implementation continues.</i>
	3.8	Mengoptimumkan Infrastruktur ICT CIDB. <i>Optimise CIDB's ICT Infrastructure.</i>	Program akan dilaksanakan setelah CIDB berpindah ke The Met. <i>The programme will be implemented after CIDB moves to The Met.</i>
	3.9	Meningkatkan Pengurusan Hubungan dengan Pembekal. <i>Enhance Supplier Relationship Management.</i>	KPI telah digabungkan di bawah ST5.13. <i>The KPI was merged under ST5.13.</i>

ST	KPI	PROGRAM / PROGRAMMES	KENYATAAN / PENCAPAIAN / REMARKS / ACHIEVEMENTS
4.	4.1	Penambahbaikan dan Pelaksanaan Portal Kontraktor Malaysia (MCP). <i>Enhancement and Implementation of Malaysia Contractor's Portal (MCP).</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan. <i>The programme was achieved and its implementation continues.</i>
	4.2	Menyediakan platform Marketplace CIDB. <i>Set up an online CIDB Marketplace.</i>	KPI telah digabungkan di bawah ST4.12. <i>The KPI was merged under ST4.12.</i>
	4.3	Meningkatkan Pengurusan Media Sosial untuk Pengurusan Pihak Berkepentingan dan Kempen Atas Talian. <i>Enhancing Social Media Management for Stakeholder Management and Online Campaigns.</i>	KPI telah digabungkan di bawah ST4.12. <i>The KPI was merged under ST4.12.</i>
	4.4	Penggabungan Fungsi Atas Talian BIM. <i>Consolidation of BIM online functions.</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan. <i>The programme was achieved and its implementation continues.</i>
	4.5	Penambahbaikan Portal SHASSIC. <i>Enhancement of SHASSIC Portal.</i>	Program telah dicapai pada tahun 2020. <i>The programme was achieved in 2020.</i>
	4.6	Membangunkan Portal Pembinaan Mampan. <i>Development of a Sustainable Construction Portal.</i>	KPI telah dipindahkan kepada Program C4.0. <i>The KPI was moved to the C4.0 Programme.</i>
	4.7	Penambahbaikan CCPM (termasuk Proses Pelaporan Tatatertib). <i>Enhancement of CCPM (to include the Disciplinary Reporting Process).</i>	Program telah dicapai pada Q3 2021. <i>The programme was achieved in Q3 2021.</i>
	4.8	Membangunkan Pensijilan Produk dan Aplikasi Pengujian untuk Barang-barang Import. <i>Development of a Product Certification and Testing Application for Imported Materials.</i>	Program diubah kepada penambahbaikan sistem CCPM (untuk bahan binaan import) dan akan bermula pada tahun 2022. <i>The programme was amended to the enhancement of the CCPM system (for imported construction materials) and will commence in 2022.</i>
	4.9	Penambahbaikan Aplikasi E-Learning. <i>Enhance E-Learning Application.</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan. <i>The programme was achieved and its implementation continues.</i>

#### 4.1

Penambahbaikan dan Pelaksanaan Portal Kontraktor Malaysia (MCP).  
*Enhancement and Implementation of Malaysia Contractor's Portal (MCP).*



#### 4.5

Penambahbaikan Portal SHASSIC.  
*Enhancement of SHASSIC Portal.*



ST	KPI	PROGRAM / PROGRAMMES	KENYATAAN / PENCAPAIAN / REMARKS / ACHIEVEMENTS
	4.10	Penambahbaikan Portal Pekerjaan CIDB. <i>Enhance CIDB's Job Portal.</i>	Program telah digugurkan berikutan Job Portal personel binaan telah diguna pakai. <i>The programme was dropped following the adoption of the construction personnel Job Portal.</i>
	4.11	Penambahbaikan E-Iklan untuk Pemakluman Tender. <i>Enhancement of E-Iklan to push Tender Notifications.</i>	KPI akan bermula pada tahun 2022. <i>The KPI will commence in 2022.</i>
	4.12	Penambahbaikan Aplikasi Convince untuk tambahan Fungsi GIS. <i>Enhance Convince Application for added GIS functionalities.</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan. <i>The programme was achieved and its implementation continues.</i>
	4.13	Penambahbaikan CIMS. <i>Enhancement of CIMS.</i>	Program telah dicapai pada tahun 2020. <i>The programme was achieved in 2020.</i>
	4.14	Penambahbaikan QLASSIC. <i>Enhancement of QLASSIC.</i>	Program telah dicapai pada Q2 2021. <i>The programme was achieved in Q2 2021.</i>
5.	5.1	Kajian Semula Aplikasi VDI. <i>VDI Application Review.</i>	Program telah dicapai pada tahun 2020. <i>The programme was achieved in 2020.</i>
	5.2	Penambahbaikan MyProjaxis. <i>Enhancement of MyProjaxis.</i>	Program telah dicapai pada tahun 2020. <i>The programme was achieved in 2020.</i>
	5.3	Pelaksanaan Pengurusan Identiti & Pengurusan Akses Pengguna. <i>Implementation of an Identity Management &amp; User Access Management.</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan. <i>The programme was achieved and its implementation continues.</i>
	5.4	Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kenderaan. <i>Implementation of a Vehicle Management System.</i>	KPI akan bermula pada tahun 2023. <i>The KPI will commence in 2023.</i>
	5.5	Penambahbaikan Sistem Audit Kendiri dan Pemeriksaan Mengejut. <i>Enhancement of Self Audit &amp; Surprise Inspection Application</i>	KPI akan bermula pada tahun 2022. <i>The KPI will commence in 2022.</i>
	5.6	Penubuhan Pangkalan Data Teknikal Bersepadu. <i>Establishment of Integrated Technical Database.</i>	KPI telah digabungkan di bawah ST2.2. <i>The KPI was merged under ST2.2.</i>
	5.7	Pendigitalan Dokumen. <i>Digitisation of Documents.</i>	KPI telah digabungkan di bawah ST5.16. <i>The KPI was merged under ST5.16.</i>
	5.8	Mengautomasikan Proses Pendaftaran IBS Manufacturer & Product Assessment & Certification (IMPACT). <i>Automating the IMPACT Registration Process.</i>	Program telah dicapai pada Q4 2021. <i>The programme was achieved in Q4 2021.</i>
	5.9	Transformasi Digital Proses Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. <i>Digital Transformation of Human Resource Department Processes.</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan. <i>The programme was achieved and its implementation continues.</i>
	5.10	Penyatuan Proses Penyelesaian Kewangan. <i>Consolidation of Finance Reconciliation Process.</i>	Program telah dicapai pada tahun 2020. <i>The programme was achieved in 2020.</i>
	5.11	Pelaksanaan Sistem Tanpa Tunai CIDB. <i>Implementation of CIDB Cashless System.</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan. <i>The programme was achieved and its implementation continues.</i>
	5.12	Pelaksanaan Sistem Pengurusan ISO Untuk ISO 9001, ISO 31001, 37001, 45000. <i>Implementation of an ISO Management System for ISO 9001, ISO 31001, 37001, 45000.</i>	KPI akan bermula pada tahun 2023. <i>The KPI will commence in 2023.</i>
	5.13	Sistem Maklumat Perolehan. <i>Procurement Information System.</i>	KPI akan bermula pada tahun 2022. <i>The KPI will commence in 2022.</i>

ST	KPI	PROGRAM / PROGRAMMES	KENYATAAN / PENCAPAIAN / REMARKS / ACHIEVEMENTS
	5.14	Membangunkan Perisian Audit Command Language (ACL) dan Program Latihan Berkaitan untuk Memperbaiki Aktiviti Audit. <i>Develop an Audit Command Language (ACL) Software and related Training programs to improve audit activities.</i>	KPI akan bermula pada tahun 2023. <i>The KPI will commence in 2023.</i>
	5.15	Melaksanakan Sistem Pemantauan Geran Daripada Pembayaran Sehingga Selesai. <i>Implement a Grant Monitoring System From Disbursement To Completion.</i>	KPI telah digabungkan di bawah ST5.13. <i>The KPI was merged under ST5.13.</i>
	5.16	Melaksanakan Sistem Pengurusan Dokumen Digital. <i>Implement a Digital Document Management.</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan. <i>The programme was achieved and its implementation continues.</i>
6.	6.1	Program Peningkatan ICT untuk CIDB. <i>ICT Upscaling Programme for CIDB.</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan. <i>The programme was achieved and its implementation continues.</i>
	6.2	Pelaksanaan Analitik Data Raya ke Arah IDO. <i>Implementation of Big Data Analytics towards an Insight-Driven Organisation.</i>	Program telah dicapai pada tahun 2021. <i>The programme was achieved in 2021.</i>





# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI CIDB 2021 - 2025 (OACP)

## CIDB ORGANISATIONAL ANTI CORRUPTION PLAN 2021 - 2025 (OACP)

### Pengenalan

Pelan Organisasi Antirasuah (OACP) CIDB 2021 - 2025 telah dibangunkan bagi menyokong Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023 dalam mencapai aspirasi negara bagi memantapkan integriti secara menyeluruh. OACP ini merangkumi empat Bidang Keutamaan, empat (4) Strategi, 13 Objektif Strategik dan 94 Inisiatif yang menjurus kepada memperkukuhkan ketelusan, kredibiliti, keberkesanan dan kecekapan CIDB dalam menyampaikan perkhidmatan yang berintegriti dan unggul. Ia telah dilancarkan pada 12 Januari 2021 dengan memberi fokus kepada rasuah, integriti, salahguna kuasa, penyelewengan dan sebagainya.

Visi OACP CIDB adalah "Menjadi peneraju industri pembinaan yang berintegriti dan bebas rasuah", manakala misinya adalah "Mengukuhkan integriti di dalam segala aspek pengurusan dan perkhidmatan CIDB" bagi mencapai matlamat untuk meningkatkan kredibiliti CIDB di dalam industri pembinaan.

Empat Bidang Keutamaan beserta strategi, bilangan Objektif Strategik dan Inisiatif masing-masing adalah seperti berikut :

### Introduction

*CIDB Organizational Anti-Corruption Plan (OACP) 2021 - 2025 was developed to support the National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019 - 2023 in achieving the country's aspirations to strengthen integrity as a whole. The OACP consisted of four Priority Areas, four (4) Strategies, 13 Strategic Objectives and 94 initiatives aimed at strengthening CIDB's transparency, credibility, effectiveness and efficiency in delivering services with integrity and excellence. It was launched on 12 January 2021 with a focus on corruption, integrity, abuse of power, embezzlement and so on.*

*The CIDB OACP vision is "To be a leader in the construction industry with integrity and corruption free", while its mission is to "Strengthen integrity in all aspects of CIDB's management and services" to achieve the goal of increasing CIDB's credibility in the construction industry.*

*The four Priority Areas along with their strategies, the number of Strategic Objectives and Initiatives are as follows :*

No.	Bidang Keutamaan / Priority Areas	Strategi / Strategy	Bilangan Objektif Strategik / No. of Strategic Objectives	Bilangan Inisiatif / No. of Initiatives
1	Penguatkuasaan Akta & Pematuhan Industri. <i>Enforcement of the Act &amp; Industry Compliance.</i>	Memperkukuh Kredibiliti Penguatkuasaan Akta & Pemantauan Industri. <i>Strengthening the Credibility of Act Enforcement &amp; Industry Monitoring.</i>	4	29
2	Sistem Penyampaian & Prosedur. <i>Delivery System &amp; Procedures.</i>	Memantapkan Kecekapan & Keberkesanan Sistem Penyampaian dan Prosedur. <i>Strengthening the Efficiency &amp; Effectiveness of Delivery Systems and Procedures.</i>	2	33
3	Perolehan & Kewangan. <i>Procurement &amp; Finance.</i>	Meningkatkan Keberkesanan & Ketelusan dalam Pengurusan Perolehan & Kewangan CIDB. <i>Enhancing Efficiency &amp; Transparency in CIDB's Procurement &amp; Financial Management.</i>	3	15
4	Pentadbiran & Sumber Manusia. <i>Administration &amp; Human Resources.</i>	Memperkukuh Sistem Pentadbiran & Sumber Manusia. <i>Strengthening the Administration &amp; Human Resources System.</i>	4	17
<b>JUMLAH / TOTAL</b>			13	94

OACP CIDB dilaksanakan secara menyeluruh melibatkan kerjasama antara pihak pengurusan tertinggi agensi, warga agensi dan pemegang taruh untuk memastikan sasaran inisiatif antirasuah dapat dicapai dengan cekap dan sistematik. Ia ditadbir urus melalui tiga (3) peringkat yang terdiri daripada :

- Jawatankuasa OACP CIDB yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Eksekutif 1 CIDB
- Jawatankuasa Antirasuah (JAR) CIDB yang dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif CIDB
- Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Kementerian Kerja Raya (KKR) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KKR

*The CIDB OACP is implemented comprehensively involving collaboration between the agency's top management, agency staff and stakeholders to ensure that the targets of the anti-corruption initiative can be achieved efficiently and systematically. It is governed through three (3) levels consisting of :*

- *CIDB OACP Committee chaired by CIDB Deputy Chief Executive 1*
- *CIDB Anti-Corruption Committee (JAR) chaired by CIDB Chief Executive*
- *Anti-corruption Committee (JAR) of the Ministry of Public Works (KKR) chaired by the Secretary - General of KKR*

### Pencapaian OACP 2021 - 2025

Pada tahun 2021, pencapaian OACP CIDB adalah 93% berbanding sasaran 100%. Pada asalnya terdapat 94 inisiatif yang telah dirangka. Walau bagaimanapun, sebagai penyesuaian kepada keadaan semasa pelaksanaan OACP, 18 inisiatif telah digugurkan, dua (2) inisiatif digabungkan dan sembilan (9) inisiatif akan bermula pada tahun 2022. Baki 66 inisiatif mencapai prestasi berikut :

- Hijau (melebihi 90%) = 64 / 66 inisiatif
- Kuning (antara 70% - 89%) = 0 / 66 inisiatif
- Merah (bawah 69%) = 2 / 66 inisiatif

Butiran pencapaian inisiatif dilaporkan di bawah Bidang-Bidang Keutamaan.

#### Bidang Keutamaan 1

Bidang Keutamaan 1 menjurus kepada Penguatkuasaan Akta & Pematuhan Industri. Ia disokong oleh empat (4) Objektif Strategik (OS) beserta 29 inisiatif pada mulanya bagi mencapai strategi dalam memperkukuhkan kredibiliti penguatkuasaan Akta & pemantauan industri. Semasa pelaksanaannya, empat (4) inisiatif telah digugurkan dan satu (1) inisiatif akan bermula pada tahun 2022 menjadikan jumlah inisiatif terkini sebanyak 24. Objektif Strategik beserta jumlah inisiatif tersebut adalah seperti berikut :

- OS 1.1 - Menambahbaik keberkesanan pelaksanaan penguatkuasaan di lapangan dengan sembilan (9) inisiatif
- OS 1.2 - Meningkatkan profesionalisme, akauntabiliti, dan integriti staf dalam penguatkuasaan undang-undang dan Akta 520 dengan enam (6) inisiatif
- OS 1.3 - Memantapkan kecekapan dan akauntabiliti staf dalam pengurusan pentauliahan dan pemantauan pusat Latihan dengan lima (5) inisiatif
- OS 1.4 - Mempertingkatkan kecekapan dan akauntabiliti staf dalam pelaksanaan proses di CIDB dengan empat (4) inisiatif

Bidang Keutamaan 1 mencapai 90% berbanding sasaran 100% dengan prestasi pencapaian inisiatif seperti berikut :

- Hijau (melebihi 90%) = 23 / 24 inisiatif
- Kuning (antara 70% - 89%) = 0 / 24 inisiatif
- Merah (bawah 69%) = 1 / 24 inisiatif

Pencapaian setiap inisiatif di bawah Bidang Keutamaan 1 adalah seperti berikut :

### OACP Achievements 2021 - 2025

*In 2021, the CIDB OACP achieved 93% progress against the target of 100%. Originally there were 94 Initiatives that were formulated. However, as an alignment to the current situation of the OACP implementation, 18 Initiatives were dropped, two (2) Initiatives were merged and nine (9) Initiatives will commence in 2022. The remaining 66 Initiatives attained the following achievements :*

- *Green (over 90%) = 64 / 66 initiatives*
- *Yellow (between 70% - 89%) = 0 / 66 initiative*
- *Red (below 69%) = 2 / 66 initiatives*

*Details of the initiative achievements are reported under the Priority Areas.*

### Priority Area 1

Priority Area 1 is geared towards Enforcement of the Act & Industry Compliance. It is supported by four (4) Strategic Objectives (OS) along with 29 initiatives originally to achieve the strategy of strengthening the credibility of Act enforcement & industry monitoring. During its implementation, four (4) initiatives were dropped to align with current needs, taking the latest number of initiatives to 24. The Strategic Objectives along with the number of initiatives are as follows :

- OS 1.1 – Improve the effectiveness of enforcement in the field with sembilan (9) initiatives
- OS 1.2 – Increase the professionalism, accountability, and integrity of staff in law enforcement and Act 520 with six (6) initiatives
- OS 1.3 – Strengthen staff efficiency and accountability in the commissioning and monitoring management of Training centres with five (5) initiatives
- OS 1.4 – Improve the efficiency and accountability of staff in the implementation of processes at CIDB with empat (4) initiatives

Priority Area 1 achieved 90% against the target of 100% with the achievement of initiatives as follows :

- Green (over 90%) = 23 / 24 initiative
- Yellow (between 70% - 89%) = 0 / 24 initiative
- Red (below 69%) = 1 / 24 initiative

The achievements of each initiative under Priority Area 1 are as follows :

NO	INISIATIF / INITIATIVE	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
1.	1.1.1	Penambahbaikan SOP penguatkuasaan termasuk semakan semula keseluruhan SOP; penambahan notis yang digunakan (Notis N3E / 2021); penyediaan platform mesyuarat pengurusan penguatkuasaan yang dipengerusikan oleh Pengurus Besar Kanan Sektor dan penyediaan kelengkapan yang meningkatkan imej penguatkuasaan. <i>Enhancements to enforcement SOPs included revision of the entire SOP; addition of notices issued (Notice N3E / 2021); the provision of an enforcement management meeting platform chaired by the Senior General Manager of the Sector and the provision of equipment that enhances the image of enforcement.</i>
2.	1.1.2	Penambahbaikan SOP penguatkuasaan bagi insiden atau kemalangan termasuk pelaporan insiden dari semasa kesemasa melalui platform CIMS yang telah ditambahbaik; semakan berterusan terhadap tindakan penyediaan kertas siasatan dan pendigitalan SOP. <i>Enhancements to enforcement SOPs for incidents or accidents included reporting of incidents from time to time through the enhanced CIMS platform; continuous review of the preparation of investigation papers and digitization of SOPs.</i>
3.	1.1.3	SOP proses permohonan PPS bahan binaan tempatan telah ditambahbaik dan diedarkan kepada semua pejabat CIDB Negeri. Taklimat SOP untuk memastikan proses kerja adalah seragam juga telah dilaksanakan. <i>The local building material PPS application process SOP had been enhanced and distributed to all CIDB State offices. SOP briefing to ensure a uniform work process had also been implemented.</i>
4.	1.1.4	Cadangan rangka kerja pelaksanaan program mekanisme penyiasatan menerusi <i>Intelligent Driven</i> bagi menjadikan pengurusan levi yang lebih efisien sedang disediakan setelah kajian keperluan program dan sesi libat urus diadakan bersama Bahagian Bisnes dan Bahagian Penguatkuasaan. <i>The proposed framework to implement an Intelligent Driven investigation mechanism programme in making levy management more efficient is being prepared after a study of the programme's needs and an engagement session held with the Business Division and the Enforcement Division.</i>
5.	1.1.5	Pelbagai langkah pelaksanaan tugas dan tindakan telah melibatkan pegawai daripada bahagian lain sementara proses pengeluaran notis dan pematuhan telah melibatkan pemunya program. <i>Various measures in the implementation of tasks and actions had involved officers from other divisions while the process of issuing notices and compliance had involved the programme owner.</i>
6.	1.1.6	Pemerkasaan SOP Semakan Kepatuhan Kontraktor (CCA) telah dilaksanakan dengan penggunaan Surat Pembetulan Hukuman Tindakan Pematuhan; Surat Kebenaran Khas; pengeluaran SOP rayuan CCA; Surat Tindakan Semakan Semula Ketidapatuhan CCA dan Garis Panduan Pelaksanaan Hukuman Tindakan Pematuhan bagi semakan semula ketidapatuhan CCA. <i>Strengthening of the Contractor Compliance Assurance (CCA) SOP had been implemented with the use of Compliance Action Penalty Correction Letter; Special Authorization Letter; issuance of CCA appeal SOP; CCA Noncompliance Review Action Letter and Compliance Action Penalty Implementation Guidelines for CCA non-compliance reviews.</i>
7.	1.1.7	Sebanyak 12 aduan telah diterima dan satu kemalangan dilaporkan di mana lawatan pemeriksaan telah dilaksanakan bersama-sama CIDB Negeri dan Badan Pensijilan. Operasi bersepadu bersama Agensi Kerajaan terpaksa ditangguhkan berikutan PKP yang dikuatkuasakan. <i>A total of 12 complaints were received and one accident was reported where an inspection visit was carried out together with the State CIDB and the Certification Body. Integrated operations with Government Agencies had to be postponed following the enforced MCO.</i>

NO	INISIATIF / INITIATIVE	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
8.	1.1.8	Sesi latihan telah dilaksanakan melalui platform digital bagi meningkatkan kompetensi staf penguatkuasaan sementara pelaksanaan naziran di pejabat negeri dijalankan untuk memastikan tugas mengikut SOP dan arahan terkini. <i>Training sessions were carried out through a digital platform to improve the competence of enforcement staff while monitoring of state offices was carried out to ensure that assignments were in accordance with the latest SOPs and instructions.</i>
9.	1.1.10	Satu senarai semak naziran pengurusan levi ke atas pejabat CIDB Negeri/Cawangan telah disediakan dan dua (2) sesi libat urus bersama pejabat CIDB Negeri (Johor dan Kedah) bagi membincangkan hal pengurusan levi telah diadakan secara maya. Lapan (8) sesi naziran beserta laporan telah dijalankan di pejabat CIDB Negeri. <i>A checklist to inspect CIDB State/Branch offices levy management had been prepared and two (2) engagement sessions with CIDB State offices (Johor and Kedah) to discuss levy management matters had been held virtually. Eight (8) monitoring sessions and reports were conducted at CIDB States offices.</i>
10.	1.2.1	Pembangunan garis panduan dalam pengenalan kompaun telah dilaksanakan melalui bengkel bersama penguatkuasa Ibu Pejabat dan negeri; taklimat dan mesyuarat kompaun serta maklumbalas kadar kompaun bersama CIDB negeri dan naziran pengenalan kadar kompaun oleh CIDB Negeri. <i>The development of guidelines in the imposition of compounds was implemented through a joint workshop with Headquarters and state enforcement; compound briefings and meetings as well as feedback on compound rates with the CIDB state and monitoring of the imposition of compounds rates by the CIDB states.</i>
11.	1.2.2	Jawatankuasa Pengurusan Kompaun bagi semakan semula kadar kompaun telah ditubuhkan dan jawatankuasa telah mengadakan lapan Mesyuarat Pengurusan Kompaun dengan panel yang berbeza untuk setiap mesyuarat kecuali Pengerusi. <i>The Compound Management Committee for the review of compound rates had been established and the committee held eight Compound Management Meetings with a different panel for each meeting except the Chairman.</i>
12.	1.2.3	Langkah penggunaan teknologi seperti <i>bodycam</i> , <i>dash cam</i> dan GPS tracking masih baharu diperkenalkan di negara ini dan pihak-pihak berkuasa seperti PDRM dan Imigresen masih mengkaji penggunaannya di lapangan. SOP telah dipinda dengan memasukkan elemen pembuktian digital dalam pelaksanaan penguatkuasaan. <i>Measures to use technology such as bodycam, dash cam and GPS tracking are still newly introduced in this country and authorities such as PDRM and Immigration are still studying their use in the field. The SOP had been amended to include the element of digital proof in the implementation of enforcement.</i>
13.	1.2.4	Sebanyak 15 program integriti telah dijalankan bagi menyebar luas mesej kesedaran mematuhi Akta SPRM 2009 dan Akta Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000. <i>A total of 15 integrity programs have been carried out to widely spread the awareness message of complying with the MACC Act 2009 and the Statutory Bodies (Discipline &amp; Surcharge) Act 2000.</i>
14.	1.2.6	Penambahbaikan Sistem CCPM (untuk sijil PPS bahan binaan tempatan) telah dilaksanakan melalui proses cetakan sijil PPS secara atas talian (online) – self printing & QR Code dan sistem sijil PPS atas talian telah go live / berkuatkuasa pada 15 Nov 2021. Penambahbaikan Sistem CCPM (Import) telah dilaksanakan melalui integrasi antara sistem ePermit dan CCPM untuk membolehkan pembayaran verifikasi dibuat bagi permohonan yang telah wujud di Sistem ePermit. Sijil PPS hanya dibenarkan untuk dicetak bagi produk pada Jadual Keempat CIDB sahaja. Untuk produk selain daripada Jadual keempat hanya 'view only' akan dibenarkan bagi mengelakkan kekeliruan PPS dikeluarkan kepada produk yang tiada dalam Jadual keempat. <i>Enhancements to the CCPM System (for local building materials PPS certificates) had been implemented through the process of printing PPS certificates online (self-printing &amp; QR Code) and the online PPS certificate system has gone live / effective on 15 Nov 2021. Enhancements to the CCPM System (Import) had been implemented through the integration between the ePermit and CCPM systems to allow verification payments to be made for applications that already exist in the ePermit System. PPS certificates are only allowed to be printed for products on CIDB's Fourth Schedule. For products other than the fourth Schedule, 'view only' will be allowed in order to avoid confusion of PPS being issued to products that are not in the Fourth Schedule.</i>
15.	1.2.7	Naziran ke atas bahan binaan telah dilaksanakan terhadap CIDB Holdings di pelabuhan. Dua (2) naziran kilang dilaksanakan di Kilang Henglass di Bandar Kinrara, Selangor dan Kilang Klang Valley Wire di Kuantan. Naziran Pejabat CIDB Negeri untuk proses permohonan PPS dan COA telah dilaksanakan di Kedah dan Pulau Pinang. <i>Inspection of construction materials was carried out against CIDB Holdings at the port. Two (2) factory inspections were carried out at the Henglass Factory in Bandar Kinrara, Selangor and the Klang Valley Wire Factory in Kuantan. Inspection of the CIDB State Offices for the PPS and COA application process had been carried out in Kedah and Penang.</i>



NO	INISIATIF / INITIATIVE	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
16.	1.3.1	Pemeriksaan mekanisme permohonan, kelulusan dan pemantauan Pusat Latihan Bertauliah (PLB) secara di dalam talian telah bermula pada Jan 2021 melalui pelancaran modul CIMS untuk PLB Penyeliaan & Pengurusan atas talian; pelaporan program pentauliah institusi dijana melalui sistem; keperluan rekayasa sistem sedia ada adalah berdasarkan carta alir yang telah dimuktamadkan. <i>The strengthening of the application, approval and monitoring mechanism for Certified Training Centres (PLB) online had commenced starting Jan 2021 through the launch of the CIMS module for PLB Supervision &amp; Management online; institutional accreditation programme reporting was generated through the system; the existing system engineering requirements were based on the flow chart that had been finalized.</i>
17.	1.3.2	Sesi libat urus dan perbincangan bersama perunding telah dilaksanakan bagi mengenalpasti modul dan data untuk memperkasakan peranan Unit Levi. <i>Engagement sessions and discussions with consultants were carried out to identify modules and data to strengthen the role of the Levy Unit.</i>
18.	1.3.3	Taklimat dan latihan kompetensi pemantapan pemahaman terhadap SOP yang telah dikemaskini dan pemantauan pusat latihan kepada pegawai CIDB yang berkenaan tidak dapat mencapai sasaran kerana kekangan PKP (hanya satu (1) latihan telah diadakan secara maya). <i>Briefing and competency training to strengthen understanding of the updated SOP and monitoring of the training centre for related CIDB officers could not achieve the target due to MCO constraints (only one (1) training was held virtually).</i>
19.	1.3.4	Latihan kompetensi dan teknikal berkenaan kepelbagaian produk bahan binaan kepada semua pegawai CIDB yang melaksanakan verifikasi telah dilaksanakan melalui pembangunan pelan keseluruhan dan modul latihan penguatkuasaan bahan binaan serta menjalankan latihan penguatkuasaan bahan binaan tahap 1. <i>Competency and technical training regarding the diversity of building material products to all CIDB officers who execute verification had been implemented through the development of an overall plan and building material enforcement training module as well as conducting level 1 building material enforcement training.</i>
20.	1.3.5	Latihan kompetensi berkenaan pengurusan levi kepada semua staf CIDB telah dijalankan melalui sesi-sesi pendedahan, libat urus, naziran, bengkel dan taklimat. <i>Competency training regarding levy management for all CIDB staff had been conducted through awareness sessions, engagement, supervision, workshops and briefings.</i>
21.	1.4.1	Penguatkuasaan SOP Pematuhan Standard Bahan Binaan telah dilaksanakan melalui pengedaran garis panduan (Manual Prosedur) pematuhan bahan binaan (pindaan 1) yang telah berkuatkuasa dan penyelarasan maklum balas daripada Pejabat CIDB Negeri untuk tindakan lanjut. <i>The strengthening of the Construction Materials Standard Compliance SOP had been implemented through the distribution of guidelines (Procedure Manual) for construction materials compliance (amendment 1) which had come into force and the coordination of feedback from the CIDB State Offices for further action.</i>
22.	1.4.3	Garis panduan tindakan terhadap pengimport, pengilang, pembekal dan kontraktor yang menggunakan bahan binaan yang tiada PPS telah dikemaskini dengan mengintegrasikan syarat-syarat pematuhan dalam sijil PPS secara online. <i>Guidelines on actions against importers, manufacturers, suppliers and contractors who use construction materials without PPS had been updated by integrating the compliance conditions in the online PPS certificate.</i>
23.	1.4.5	Sesi libat urus secara berkala dengan agensi terlibat telah diadakan melalui Task Force CIDB-SIRIM-MISIF; program Authorized Economic Operator (AEO); Conversation with Petronas Team; penglibatan dalam Jawatankuasa Teknikal (TC) dan Kumpulan Kerja (WG); perbincangan dan mesyuarat bersama industri; Webinar; taklimat dan lawatan kerja. <i>Regular engagement sessions with the agencies involved were held through the CIDB-SIRIM-MISIF Task Force; the Authorized Economic Operator (AEO) program; Conversation with Petronas Team; involvement in Technical Committees (TCs) and Working Groups (WGs); discussions and meetings with industry; Webinars; briefings and work visits.</i>
24.	1.4.6	Pengstrukturkan jawatankuasa pentauliah pusat latihan berdasarkan CSQF telah dilaksanakan dengan mengenalpasti panel jawatankuasa yang terdiri daripada KKR, JPKKP, MQA, KBS, MBAM dan PKMM. Carta Alir Tadbir Urus CSQF juga telah diluluskan. <i>The structuring of the training centre accreditation committee based on CSQF had been implemented by identifying a committee panel consisting of KKR, JPKKP, MQA, KBS, MBAM and PKMM. The CSQF Governance Flow Chart had also been approved.</i>

## Bidang Keutamaan 2

Bidang Keutamaan 2 menjurus kepada Sistem Penyampaian & Prosedur. Ia disokong oleh dua (2) Objektif Strategik beserta 33 inisiatif pada mulanya bagi memantapkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian & prosedur. Semasa pelaksanaannya, sembilan inisiatif telah digugurkan, dua (2) inisiatif digabungkan dan tujuh (7) inisiatif akan bermula pada tahun 2022 menjadikan jumlah inisiatif terkini sebanyak 16. Objektif Strategik beserta jumlah inisiatif tersebut adalah seperti berikut :

- OS 2.1 – Menambahbaik sistem dan prosedur bisnes teras di CIDB dengan 11 inisiatif
- OS 2.2 – Memantapkan kecekapan dan akauntabiliti staf dalam pendaftaran personel binaan, pendaftaran kontraktor, pengisytiharan projek, pengurusan pentauliah, akreditasi dan permohonan pekerja asing/ekspatriat dengan lima (5) inisiatif

Bidang Keutamaan 2 mencapai 90% berbanding sasaran 100% dengan prestasi pencapaian inisiatif seperti berikut :

- Hijau (melebihi 90%) = 15 / 16 inisiatif
- Kuning (antara 70% - 89%) = 0 / 16 inisiatif
- Merah (bawah 69%) = 1 / 16 inisiatif

Pencapaian setiap inisiatif di bawah Bidang Keutamaan 2 adalah seperti berikut :

NO	INISIATIF / INITIATIVE	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
1.	2.1.1	Penambahbaikan SOP latihan kemahiran sedia ada telah dijalankan melalui pelaksanaan kerangka CSQF dan ISO 17024:2012 melibatkan tadbir urus CSQF, fungsi, keahlian dan kadar Honorarium setiap Jawatankuasa; penggunaan CMS sepenuhnya merangkumi permohonan, semakan kelayakan, pengesahan latihan, pemilihan pegawai penilai, keputusan penilaian dan penjaan siji maya. <i>The enhancement of the existing skills training SOP had been carried out through the implementation of the CSQF framework and ISO 17024:2012 involving CSQF governance, functions, membership and Honorarium rates of each Committee; full use of CMS includes application, qualification review, training verification, selection of assessment officers, assessment results and virtual certificate generation.</i>
2.	2.1.7	Mekanisme punitif di dalam SOP Pusat Latihan, Pengajar dan Pegawai Penilai telah dikenalpasti termasuk keperluan perundangan untuk penguatkuasaan; struktur tadbir urus berkaitan tindakan punitif, pemantauan dan penguatkuasaan. <i>Punitive mechanisms in the SOP of Training Centres, Instructors and Assessing Officers had been identified including legal requirements for enforcement; governance structure related to punitive actions, monitoring and enforcement.</i>
3.	2.1.11	Pangkalan data bank soalan bagi penilaian dengan ciri-ciri sekuriti data yang kukuh telah dibangunkan melalui pemakaian CMS bagi program Latihan Belia & Personel di mana sesi pilot akan dilaksanakan melibatkan tred di bawah pensijilan ISO 17024 (Welding, NDT dan Blasting and Painting). <i>An assessment question bank database with strong data security features had been developed through the use of CMS for the Youth &amp; Personnel Training program where pilot sessions will be implemented involving trades under ISO 17024 certification (Welding, NDT and Blasting and Painting).</i>
4.	2.1.12	Pelaksanaan pilihan penilaian bertulis atau peperiksaan bagi penilaian kompetensi penyeliaan dan pengurusan secara E-exam telah dijalankan dengan menambahbaik skop. Soalan Teori (Tahap 1-6 & Soalan Praktikal (Tahap 3-6), menjana secara automatik set soalan (teori) dan menganalisis soalan (SWOT). <i>The options to assess supervisory and management competency via a written assessment or an examination by E-exam had been carried out by enhancing the scope on Theory Questions (Levels 1-6 &amp; Practical Questions (Levels 3-6), automatically generating question sets (theory) and analyzing questions (SWOT).</i>
5.	2.1.13	Semakan bagi menentukan plagiarism tool yang sesuai untuk digunakan oleh pegawai penilai masih dalam proses. Inisiatif telah berpindah milik dan baharu diambil tindakan. <i>The review to determine the appropriate plagiarism tool to be used by the assessment officer is still in process. The initiative had changed ownership and is just being acted upon.</i>

## Priority Area 2

Priority Area 2 focuses on Delivery Systems & Procedures. It is supported by two (2) Strategic Objectives along with 33 initiatives initially to strengthen the efficiency and effectiveness of delivery systems & procedures. During its implementation, nine (9) initiatives were dropped, two (2) initiatives were combined and seven (7) initiatives will start in 2022 making the latest number of initiatives 16. The Strategic Objectives along with the number of initiatives are as follows :

- OS 2.1 – Improve core business systems and procedures at CIDB with 11 initiatives
- OS 2.2 – Strengthen staff efficiency and accountability in construction personnel registration, contractor registration, project declaration, commissioning management, accreditation and application of foreign/expatriate workers with five (5) initiatives

Priority Area 2 achieved 90% against the target of 100% with the achievement of initiatives as follows :

- Green (over 90%) = 15 / 16 initiatives
- Yellow (between 70% - 89%) = 0 / 16 initiative
- Red (below 69%) = 1 / 16 initiative

The achievements of each initiative under Priority Area 2 are as follows :

NO	INISIATIF / INITIATIVE	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
6.	2.1.14	Penambahbaikan SOP penilaian secara bertulis dan penilaian secara temuduga telah dilaksanakan melalui pelantikan Pemeriksa Markah bagi penilaian secara bertulis; menyemak semula kelayakan kemasukkan peserta; penubuhan Jawatankuasa Penilaian & Pensijilan bagi pengesahan laporan markah daripada penilai / pemeriksa; mengenakan yuran proses dan penilaian kepada peserta; menyemak semula peratusan markah lulus dan gagal dan pemilihan set soalan ditentukan oleh pihak CIDB. <i>The enhancement of the SOP for written and interview assessment had been implemented through the appointment of Marks Examiners for written assessment; reviewing the eligibility of participants; the establishment of an Evaluation &amp; Certification Committee for the verification of marks reports from assessors/examiners; charging process and assessment fee to participants; reviewing the percentage of the pass and fail marks and the selection of question sets determined by CIDB.</i>
7.	2.1.17	Pemeriksaan kaedah permohonan dan pemantauan program pembangunan kontraktor menggunakan kaedah pendigitalan telah dilaksanakan melalui pembangunan prosedur permohonan mata CCD melalui CMS; latihan penggunaan CMS dan penganalisaan keberkesanan CMS. <i>The strengthening of the application method and the monitoring of the contractor's development program through digitization had been implemented via the development of the CCD point application procedure using the CMS; CMS usage training and CMS effectiveness analysis.</i>
8.	2.1.18	Penambahbaikan SOP program pentauliah berdasarkan CSQF telah dilaksanakan melalui penyediaan carta Alir TPA dengan mengambilkira Training Programme Accreditation Process, Training Programme Accreditation – Approved with Condition dan Compliance Process. <i>The enhancement of the accreditation programme SOP based on CSQF had been implemented through the preparation of the TPA Flow chart taking into account the Training Program Accreditation Process, Training Program Accreditation – Approved with Condition and Compliance Processes.</i>
9.	2.1.22	Pengemaskinian kod tatalaku penilai dan penyemakan SOP pelantikan penilai telah dilaksanakan dengan menganalisa jurang keperluan kod tatalaku pengajar dan penilai; menyelaraskan kod dan SOP berdasarkan garis panduan semasa dan menyediakan Undertaking of Impartiality & Confidentiality untuk assessor. <i>The updating of the assessors' code of conduct and the revision of the SOP for the appointment of assessors had been implemented by analyzing the gaps in the requirements of the code of conduct for trainers and assessors; coordinating codes and SOPs based on current guidelines and providing Undertaking of Impartiality &amp; Confidentiality for assessors.</i>
10.	2.1.23	Deraf dokumen prosedur audit untuk skim QLASSIC dan SHASSIC telah dibangunkan. <i>A draft audit procedure document for the QLASSIC and SHASSIC schemes had been developed.</i>
11.	2.1.24	Terma rujukan dan SOP proses berkaitan kelulusan dan rayuan sokongan Ekspatriat telah siap dibangunkan dan digunakan. <i>The terms of reference and process SOP related to the approval and support appeal of Expatriates had been developed and utilised.</i>
12.	2.2.1	Penambahbaikan mekanisme semakan ke atas dokumen yang dikemukakan oleh kontraktor telah dilaksanakan ke atas CIMS beserta semakan secara atas talian untuk sebahagian universiti / agensi ke atas sijil yang dikeluarkan oleh CIDB. Garis Panduan mekanisme semakan juga telah siap dan dicetak. <i>Enhancement to the mechanism in reviewing documents submitted by contractors had been implemented on CIMS along with online review for some universities/agencies on certificates issued by CIDB. Guidelines for the review mechanism had also been completed and printed.</i>
13.	2.2.2	Penggiliran kerja dan pertukaran penempatan staf dilakukan berdasarkan permohonan dan keperluan perkhidmatan tertakluk kelulusan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM). Pada Q3 seramai 25 orang staf telah terlibat dengan pertukaran penempatan yang melibatkan Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana. <i>Work rotation and staff transfers were done based on application and service requirements subject to the approval of the Human Resources Development Panel Meeting (PPSM). In Q3, a total of 25 staff were involved in transfers involving the Management &amp; Professional Group and the Implementation Group.</i>
14.	2.2.3	Program latihan kepada staf CIDB yang memproses permohonan pendaftaran kontraktor & projek telah dilaksanakan melalui dua (2) bengkel dan sembilan (9) latihan kepada staf dan anak syarikat. <i>The training programme for CIDB staff who processes contractor &amp; project registration applications had been implemented through two (2) workshops and nine (9) training sessions for staff and subsidiaries.</i>
15.	2.2.7	Pengeluaran Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) secara maya telah dilaksanakan sepenuhnya bagi Program Belia, Personel Binaan dan Penilaian Kompetensi Kemahiran (PKK). Program latihan untuk tred yang melibatkan pegawai penilai dari agensi luar, sijil masih dikeluarkan secara fizikal berikutan CMS belum dapat memenuhi keperluan pendaftaran penilai tersebut. <i>The virtual issuance of Construction Skills Competency Certificates (SKKP) had been fully implemented for the Youth, Construction Personnel and Skills Competency Assessment Programmes (PKK). Training programmes for trades involving assessors from external agencies, certificates are still issued physically due to CMS has yet to meet the external assessors' registration requirements.</i>
16.	2.2.8	Sistem untuk mengawal proses pengeluaran surat sokongan ekspatriat telah dibangunkan dan digunakan. <i>A system to control the process of issuing expatriate support letters had been developed and utilised.</i>

### Bidang Keutamaan 3

Bidang Keutamaan 3 menurus kepada Perolehan & Kewangan. Ia disokong oleh tiga (3) Objektif Strategik beserta 15 inisiatif pada asalnya bagi mencapai strategi dalam meningkatkan keberkesanan dan ketelusan dalam pengurusan perolehan dan kewangan CIDB. Semasa pelaksanaannya, hanya satu (1) inisiatif telah digugurkan dan satu (1) inisiatif akan bermula pada tahun 2022 menjadikan jumlah inisiatif terkini sebanyak 13 inisiatif. Objektif Strategik beserta jumlah inisiatif tersebut adalah seperti berikut :

- OS 3.1 – Meningkatkan ketelusan perolehan, pengurangan risiko rasuah, penyelewengan pasaran, anti persaingan dan akauntabiliti dengan enam (6) inisiatif
- OS 3.2 – Mempertingkatkan pengetahuan, kecekapan dan kemahiran dalam pengurusan perolehan CIDB dengan satu (1) inisiatif
- OS 3.3 – Memperkukuhkan pentadbiran dengan memfokus kepada pemantapan integriti dan akauntabiliti staf CIDB dengan enam (6) inisiatif

Bidang Keutamaan 3 mencapai 96% berbanding sasaran 100% dengan kesemua 13 inisiatif mencatat pencapaian melebihi 90% (hijau). Pencapaian setiap inisiatif di bawah Bidang Keutamaan 3 adalah seperti berikut :

### Priority Area 3

Priority Area 3 is geared towards Procurement & Finance. It is supported by three (3) Strategic Objectives along with 15 initiatives originally to achieve the strategy of increasing effectiveness and transparency in CIDB's procurement and financial management. During its implementation, only one (1) initiative was dropped and one (1) initiative will start in 2022, taking the latest number of initiatives to 13. The Strategic Objective and the number of initiatives are as follows :

- OS 3.1 – Increasing procurement transparency, reducing the risk of corruption, market distortion, anti-competition and accountability with six (6) initiatives
- OS 3.2 – Improve knowledge, efficiency and skills in CIDB procurement management with one (1) initiative
- OS 3.3 – Strengthen administration by focusing on strengthening the integrity and accountability of CIDB staff with six (6) initiatives

Priority Area 3 achieved 96% against the target of 100% with all 13 initiatives recording achievements above 90% (green). The achievements of each initiative under Priority Area 3 are as follows :

NO	INISIATIF / INITIATIVE	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
1.	3.1.1	Penambahbaikan prosedur perolehan telah dilaksanakan dengan menambahbaik borang pendaftaran vendor, borang permohonan perolehan, tatacara perolehan secara lantikan terus dan Arahan Pentadbiran Bil. 5 Tahun 2020 dengan pelaksanaan Arahan Pentadbiran Bil. 4 Tahun 2021 yang telah berkuatkuasa pada 18 Jun 2021 mengenai tatacara pemberian geran CIDB. <i>Enhancements in procurement procedures had been implemented by enhancing vendor registration forms, procurement application forms and procurement procedures for direct appointment and Administrative Instruction No. 5 of 2020 with the implementation of Administrative Instruction No. 4 of 2021 which came into force on 18 June 2021 regarding CIDB grant awarding procedures.</i>
2.	3.1.2	Staf yang terlibat dengan proses perolehan telah mengikuti Kursus Pengurusan Perolehan dan Pematuhan Kawalan Projek anjuran INSTITUT PENGURUSAN DAN INTEGRITI MELAKA (INSPIM). <i>Staff involved in the procurement process had attended the Procurement Management and Project Control Compliance Course organized by the MELAKA INSTITUTE OF MANAGEMENT AND INTEGRITY (INSPIM).</i>
3.	3.1.3	Surat Akuan Antirasuah (Sijil) & Akauntabiliti (Integrity Pact) (Sijil) kepada staf yang terlibat dengan proses perolehan di Ibu Pejabat, Pejabat Negeri dan Pejabat Cawangan sedang dalam proses penyediaan. <i>Anti-corruption Declaration (certificate) &amp; Accountability (Integrity Pact) (Certificate) for staff involved in the procurement process at Headquarters, State Offices and Branch Offices are being prepared.</i>
4.	3.1.4	Mesej kesedaran berkaitan integriti, Akta SPRM 2009, pengurusan aduan dan saluran pemberi maklumat telah disebar luas melalui edaran 60 poster & 30 bunting bagi kempen kesedaran antirasuah kepada semua bahagian di Ibu Pejabat CIDB, Pejabat CIDB Negeri / Cawangan dan Persatuan-Persatuan Pembinaan; Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) CIDB 2021 - 2025 telah dimuatnaik ke laman Intranet CIDB; penambahan modul integriti ke dalam Modul Induksi Staf dan pelaksanaan 15 program pengukuhan integriti dan antirasuah melibatkan 1,355 orang staf CIDB. <i>Awareness messages related to integrity, the MACC Act 2009, complaint management and whistle blower channels had been widely disseminated through the distribution of 60 posters &amp; 30 buntings for the anti-corruption awareness campaign to all sections at CIDB Headquarters, CIDB State / Branch Offices and Construction Associations; CIDB's Organizational Anti-Corruption Plan (OACP) 2021 - 2025 had been uploaded to CIDB's Intranet site; the addition of an integrity module to the Staff Induction Module and the implementation of 15 integrity and anti-corruption strengthening programmes involving 1,355 CIDB staff.</i>



NO	INISIATIF / INITIATIVE	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
5.	3.1.6	Audit pengurusan perolehan Bahagian-Bahagian di Ibu Pejabat dan semua Pejabat Negeri / Cawangan telah selesai dijalankan melalui program Pemeriksaan Mengejut. <i>Audits on procurement management of Divisions at Headquarters and all State/Branch Offices had been completed through the Surprise Inspection programme.</i>
6.	3.1.7	Memo pemakluman mengenai larangan penggunaan alat komunikasi semasa mesyuarat perolehan telah diedarkan pada Sept 2021. <i>A notification memo regarding the ban on the use of communication tools during procurement meetings was distributed in Sept 2021.</i>
7.	3.2.2	Penilaian oleh Panel Hakim telah dilaksanakan di tiga (3) PTJ yang disenarai pendek dalam mewujudkan mekanisma penghargaan dan pengiktirafan PTJ sebagai penanda aras untuk pengkongsian amalan perolehan terbaik. <i>Assessments by a Panel of Judges were carried out at three (3) shortlisted PTJs in establishing a mechanism of appreciation and recognition of PTJs as a benchmark for sharing best procurement practices.</i>
8.	3.3.1	Penambahbaikan Sistem Bayaran (Account Payable-SAP) telah dilaksanakan melalui kajian keperluan sistem; pengesahan keperluan system; pembangunan system & ujian di server DEV; sesi Ujian Penerimaan Pengguna & sign-off di server QAS dan sesi Ujian Akhir Pengguna (Final Acceptance Test - FAT), sign-off di server PRD & Go-Live pada Okt 2021. <i>Enhancements to the Payment System (Account Payable-SAP) had been implemented through the system requirement study; verification of system requirements; system development &amp; testing on DEV servers; User Acceptance Test session &amp; sign-off at the QAS server and the Final Acceptance Test (FAT), sign-off at the PRD server &amp; Gone Live in Oct 2021.</i>
9.	3.3.2	100% terimaan tanpa tunai telah dilaksanakan di kaunter-kaunter kewangan seluruh pejabat CIDB Malaysia. <i>100% cashless acceptance had been implemented at the financial counters of all CIDB Malaysia offices.</i>
10.	3.3.3	Pekeliling Penutupan Akaun CIDB, Subsidiari dan Sub-Subsidiari CIDB telah dikeluarkan sebagai peringatan kepada semua PTJ dan Subsidiari. <i>Closing of Account Circular for CIDB, CIDB Subsidiaries and Sub-Subsidiaries had been issued as a reminder to all PTJs and Subsidiaries.</i>
11.	3.3.4	Tiga (3) kursus berkenaan tuntutan bayaran yang betul telah dilaksanakan kepada Penolong Akauntan dan Pembantu Tadbir Kewangan. <i>Three (3) courses on correct payment claims were implemented for Assistant Accountants and Financial Administration Assistants.</i>
12.	3.3.5	Sebanyak dua (2) program berkenaan pengurusan kewangan kepada staf CIDB secara berterusan telah dilaksanakan. <i>A total of two (2) programmes regarding financial management for CIDB staff had been implemented continuously.</i>
13.	3.3.6	Penambahbaikan sistem Pengurusan Pembayaran PMS - CIMS telah dilaksanakan melalui pengujian modul pembayaran levi, SCORE dan MSCORE oleh Bahagian-Bahagian Pengurusan Maklumat, Pengurusan Levi dan Pendaftaran Kontraktor. Kerja-kerja migrasi data resit levi ke sistem PMS sedang dilakukan supaya semua maklumat pembayaran berada di satu sumber sahaja. Pembayaran secara atas talian SCORE, MSCORE, modul levi dan business to business (B2B) telah go live pada Q4 2021. <i>The enhancement of the PMS - CIMS Payment Management system was implemented through the testing of the levy payment, SCORE and MSCORE modules by the Divisions of Information Management, Levy Management and Contractor Registration. The migration of levy receipt data to the PMS system is ongoing so that all payment information is in a single source. SCORE, MSCORE, levy and business to business (B2B) online payments have gone live in Q4 2021.</i>

#### Bidang Keutamaan 4

Bidang Keutamaan 4 menjurus kepada Pentadbiran & Sumber Manusia. Ia disokong oleh empat (4) Objektif Strategik beserta 17 inisiatif pada asalnya bagi mencapai strategi dalam memperkukuh sistem pentadbiran dan sumber manusia. Semasa pelaksanaannya, empat (4) inisiatif telah digugurkan untuk diselaraskan dengan keperluan semasa menjadikan jumlah inisiatif terkini sebanyak 13. Objektif Strategik beserta jumlah inisiatif tersebut adalah seperti berikut :

- OS 4.1 – Kejuruteraan perkhidmatan awam ke arah tadbir urus baik dengan enam (6) inisiatif
- OS 4.2 – Mengukuhkan integriti dan akauntabiliti staf dengan tiga (3) inisiatif
- OS 4.3 – Menambahbaik keberkesanan Pendidikan dan pembangunan profesional berterusan dalam kalangan staf dengan tiga (3) inisiatif
- OS 4.4 – Menggalakkan merit dan integriti dalam proses pengambilan, pemilihan dan pelantikan mana-mana jawatan dengan satu (1) inisiatif

Bidang Keutamaan 4 mencapai 98% berbanding sasaran 100% dengan kesemua 13 inisiatif mencatat pencapaian melebihi 90% (hijau). Pencapaian setiap inisiatif di bawah Bidang Keutamaan 4 adalah seperti berikut :

NO	INISIATIF / INITIATIVE	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
1.	4.1.2	Pengukuhan pelaksanaan Polisi Antirasuah telah dijalankan melalui sesi-sesi bengkel Refresher Internal Auditor MS ISO 37001:2016; kursus Juruaudit Dalaman; bengkel penambahbaikan Daftar Risiko ABMS; audit dalaman dan audit pemantauan MS ISO 37001 : 2016 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. <i>Strengthening the implementation of the Anti-corruption Policy was carried out through MS ISO 37001:2016 Internal Auditor Refresher workshop sessions; Internal Auditor courses; ABMS Risk Register enhancement workshop; internal audits and MS ISO 37001 : 2016 surveillance audit by SIRIM QAS International Sdn. Bhd.</i>
2.	4.1.4	Profil risiko di semua Bahagian di Ibu Pejabat dan CIDB Negeri telah dibangunkan untuk tahun 2021. <i>Risk profiles across all Divisions at Headquarters and CIDB States had been developed for 2021.</i>
3.	4.1.5	Program pembudayaan kerja yang cemerlang telah dijalankan melalui kaji selidik Nilai-Nilai Teras CIDB; mengedarkan poster Nilai-nilai Teras CIDB kepada semua Bahagian/Negeri/ Cawangan dan mengadakan bengkel bagi merancang Program Nilai-nilai Teras CIDB secara berterusan. <i>The programme to inculcate excellent work culture was conducted through CIDB's Core Values survey; distributing CIDB Core Values posters to all Divisions/States/Branch and holding a workshop to plan the CIDB Core Values programmes continuously.</i>
4.	4.1.7	Tindakan punitif bagi kes pelanggaran disiplin/peraturan pejabat telah dikenakan kepada lima (5) orang staf. <i>Punitive action for violation of discipline/office rules had been imposed on five (5) staff</i>
5.	4.1.8	Pelan tindakan mengikut SOP bagi pencegahan dan membendung penularan penyakit berjangkit telah dikemaskini dalam daftar Guidelines for Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRARC) CIDB serta telah diaudit oleh SIRIM. <i>The action plan based on the SOP for preventing and containing the spread of infectious diseases had been updated in the CIDB's Guidelines for Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRARC) register which was audited by SIRIM.</i>
6.	4.1.10	Kesemua PTJ telah menghantar laporan Kew PA. 11 dan 12 kepada CIDB Ibu Pejabat setelah pemeriksaan mengejut ke atas aset alih dilaksanakan. <i>All PTJs had submitted the Kew PA. 11 and 12 reports to CIDB Headquarters subsequent to Surprise Inspection on movable assets were carried out.</i>
7.	4.2.1	Tiada memo peringatan yang dikeluarkan kepada staf berikutan staf perlu memaklumkan terlebih dahulu kepada BPF sekiranya terdapat aset alih yang perlu dipindahkan. <i>No reminder memo was issued to staff due to them needing to notify BPF in advance should there be any movable asset that requires to be transferred.</i>

#### Priority Area 4

Priority Area 4 is geared towards Administration & Human Resources. It is supported by four (4) Strategic Objectives along with 17 initiatives initially to achieve the strategy of strengthening the administrative system and human resources. During its implementation, four (4) initiatives were dropped to align with current needs, taking the latest number of initiatives to 13. The Strategic Objectives along with the number of initiatives are as follows :

- OS 4.1 – Engineering public services towards good governance with six (6) initiatives
- OS 4.2 – Strengthen staff integrity and accountability with three (3) initiatives
- OS 4.3 – Enhance the effectiveness of Education and continuous professional development among staff with three (3) initiatives
- OS 4.4 – Promote merit and integrity in the process of recruitment, selection and appointment of any position with satu (1) initiative

Priority Area 4 achieved 98% against the target of 100% with all 13 initiatives recording achievements above 90% (green). The achievements of each initiative under Priority Area 4 are as follows :

NO	INISIATIF / INITIATIVE	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
8.	4.2.2	Video animasi berkenaan kepentingan penjagaan aset CIDB kepada semua staf CIDB masih dalam proses penambahbaikan. <i>An animated video about the importance of safeguarding CIDB assets to all CIDB staff is still in the process of enhancement.</i>
9.	4.2.3	Arahan Pentadbiran Bil. 5 Tahun 2017 (garis panduan penggunaan media sosial) telah diedarkan kepada semua staf dan dimuatnaik ke Buletin CIDB di OASYS untuk rujukan dan makluman staf. <i>Administrative Instruction No. 5 of 2017 (usage of social media guidelines) had been distributed to all staff and uploaded to the CIDB Bulletin at OASYS for staff reference and information.</i>
10.	4.3.1	Senarai semak kriteria pemilihan penyedia latihan telah ditambah baik dan digunapakai. <i>The checklist for training provider selection criteria had been enhanced and utilised.</i>
11.	4.3.2	Penilaian keberkesanan latihan untuk Q1 tahun 2021 telah selesai dilaksanakan dengan pencapaian 99.24%. <i>The training effectiveness assessment for Q1 of 2021 had been completed with a 99.24% achievement.</i>
12.	4.3.3	Sebanyak 34 program berbentuk kesedaran dan latihan prosedur kerja mengikut bahagian secara berterusan telah dilaksanakan. <i>A total of 34 programmes in the form of awareness and work procedure training according to divisions had been continuously implemented.</i>
13.	4.4.1	Tatacara pengambilan telah dikemaskini dengan penggunaan Borang Perisytiharan Kepentingan Panel Temuduga / Calon dalam proses pengambilan staf bagi mengelakkan <i>conflict of interest</i> . <i>The recruitment procedures had been updated with the use of the Interview Panel/ Candidate Declaration of Interest Form in the staff recruitment process to avoid conflict of interest.</i>





# PELAN STRATEGIK ORGANISASI KEMENTERIAN KERJA RAYA 2021 - 2025 (PSO KKR)

## MINISTRY OF PUBLIC WORKS ORGANIZATIONAL STRATEGIC PLAN 2021 - 2025 (PSO KKR)

### Pengenalan

Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025 (PSO KKR 2021 – 2025) telah memfokuskan sumbangan industri pembinaan dalam pemulihan semula ekonomi Malaysia bagi merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Ia juga telah dirangka berdasarkan polisi semasa kerajaan yang lain seperti Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Revolusi Industri 4.0 serta dasar KKR seperti Dasar Pembinaan Negara 2030 dan Dasar Pembangunan Jalan Raya dan Lebuhraya (DPJL).

Selaras dengan visi KKR sebagai Peneraju Pembangunan Infrastruktur dan Industri Pembinaan Negara, pelan strategik ini diterjemahkan dalam bentuk pelan-pelan tindakan yang terpilih dari fungsi-fungsi utama yang akan dilaksanakan dari tahun 2021 sehingga 2025. Dengan misi untuk memperkasakan pembangunan infrastruktur dan pengurusan aset menyeluruh serta memperluaskan pendigitalan industri pembinaan, PSO ini akan menjadi hala tuju utama dan rujukan seluruh warga kerja KKR dan Agensi dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan bagi mencapai moto KKR ke arah kesejahteraan rakyat.

PSO KKR 2021 – 2025 telah menggariskan empat (4) teras strategik yang memberikan tumpuan terhadap memperkukuh pembangunan infrastruktur dan keterangkuman Wilayah, memperluas penggunaan teknologi, inovasi dan digital dalam pembangunan dan penyenggaraan infrastruktur, memperkasakan kapasiti, kebolehan dan daya saing industri pembinaan serta memantapkan tadbir urus organisasi untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Teras-teras tersebut akan disokong dengan 16 strategi serta 61 pelan tindakan di mana pelaksanaan akan dipantau dan dinilai dalam memastikan ia sejajar dengan aspirasi kementerian.

Sebagai salah satu (1) daripada agensi yang menyokong KKR selain Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Lembaga Jurutera Malaysia (LJM), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM), CIDB turut menyumbang sebanyak 21 KPI pada tahun 2021 bagi menjayakan PSO ini. Daripada jumlah tersebut, 20 KPI telah mencapai 100%, manakala satu (1) KPI mencapai 98%, menjadikan pencapaian keseluruhan adalah 99.5% berbanding sasaran 100%. Beberapa KPI juga telah dipilih sebagai KPI Menteri, KPI Ketua Setiausaha (KSU) dan KPI Timbalan KSU (TKSU). Pencapaian KPI-KPI tersebut adalah seperti berikut :

### Introduction

The Ministry of Public Works Organizational Strategic Plan 2021 – 2025 (PSO KKR 2021 – 2025) had focused on the contribution of the construction industry to the recovery of the Malaysian economy in realizing the Shared Prosperity Vision 2030. It had also been formulated based on other current government policies such as the Twelfth Malaysia Plan (12MP) and the Industrial Revolution 4.0 as well as KKR policies such as the 2030 National Construction Policy and the Road and Highway Development Policy (DPJL).

In line with KKR's vision as a Leader in Infrastructure Development and the National Construction Industry, this strategic plan is translated in the form of action plans selected from the main functions that will be implemented from 2021 until 2025. With a mission to empower infrastructure development and comprehensive asset management as well as expanding the digitization of the construction industry, this PSO will be the main direction and reference for all employees of KKR and the Agency in carrying out the responsibilities that have been entrusted to achieve KKR's motto towards the well-being of the people.

PSO KKR 2021 – 2025 had outlined four (4) strategic thrusts that focused on strengthening infrastructure development and regional inclusion, expanding the use of technology, innovation and digital in the development and maintenance of infrastructure, enhancing the capacity, capabilities and competitiveness of the construction industry and strengthening organizational governance to improve service delivery efficiency. These thrusts will be supported by 16 strategies and 61 action plans where implementation will be monitored and evaluated in ensuring alignment with the ministry's aspirations.

As one (1) of the agencies supporting KKR other than the Public Works Department (JKR), the Malaysian Highway Authority (LLM), the Malaysian Board of Engineers (LJM), the Malaysian Board of Architects (LAM) and the Malaysian Board of Quantity Surveyors (LJBM), CIDB also contributed 21 KPIs in 2021 for the success of the PSO. Of those, 20 KPIs had achieved 100%, while one (1) KPI had achieved 98%, making the overall achievement 99.5% against the target of 100%. Several KPIs had also been selected as Ministerial KPIs, Secretary General (KSU) KPIs and Deputy KSU (TKSU) KPIs. The achievements of these KPIs are as follows :

NO	KPI & PENCAPAIAN / KPI & ACHIEVEMENTS	PSO KKR	KPI MENTERI	KPI KSU	KPI TKSU (DP)
1.	Sebanyak 175 kontraktor Pengurusan Fasilitas telah dilatih berbanding sasaran 150 kontraktor. <i>A total of 175 Facility Management contractors were trained against the target of 150 contractors.</i>	✓	✓	✓	
2.	Sebanyak 16,240 penyertaan telah diterima untuk Program Latihan Pembangunan Kontraktor berbanding sasaran 7,500 peserta. <i>A total of 16,240 entries were received for the Contractor Development Training Program against the target of 7,500 participants.</i>	✓			
3.	Sebanyak 1,278 kontraktor telah dibimbing untuk penilaian MCORE/SCORE berbanding sasaran 200 kontraktor. <i>A total of 1,278 contractors were coached for MCORE / SCORE evaluation against the target of 200 contractors.</i>	✓			
4.	Seramai 1,603 personel binaan telah dilatih dan ditauliah melalui program Penyeliaan dan Pengurusan berbanding sasaran 1,500 personel binaan. <i>A total of 1,603 construction personnel had been trained and certified through the Supervision and Management program against the target of 1,500 construction personnel.</i>	✓	✓	✓	✓
5.	Seramai 14,662 personel binaan telah menjalani latihan, penilaian dan pentauliah kemahiran berbanding sasaran 18,000 personel binaan. <i>A total of 14,662 construction personnel had undergone skills training, assessment and certification against the target of 18,000 construction personnel.</i>	✓			
6.	Seramai 644 personel binaan telah menjalani latihan untuk Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (Safety Health Officer - SHO) dan Pegawai Keselamatan Tapak (Site Safety Supervisor - SSS) berbanding sasaran 400 personel binaan. <i>A total of 644 construction personnel had undergone training for Safety and Health Officers (SHO) and Site Safety Supervisors (SSS) against the target of 400 construction personnel.</i>	✓	✓	✓	
7.	Seramai 418 profesional telah dilatih dalam Pemodelan Maklumat Bangunan (Building Information Modelling - BIM) berbanding sasaran 200 profesional. <i>A total of 418 professionals were trained in Building Information Modelling (BIM) against the target of 200 professionals.</i>	✓	✓	✓	
8.	Sebanyak dua (2) profil negara (Thailand dan Vietnam) telah diterbitkan bagi mengenal pasti daya tarikan sesebuah negara (bagi tujuan peluang pembinaan) sebagaimana sasaran. <i>A total of two (2) country profiles (Thailand and Vietnam) had been published to identify the merits of a country (to pursue construction opportunities) as targeted.</i>	✓			
9.	Sebanyak empat (4) program meningkatkan daya saing penggiat industri ke peringkat antarabangsa melalui peningkatan kerjasama antarabangsa dalam industri pembinaan telah dijalankan melibatkan lapan (8) sindikasi bersama sembilan (9) negara; program Webinar dan padanan bisnes sebagaimana sasaran. <i>A total of four (4) programmes to enhance the competitiveness of industry players at the international level through enhanced international cooperation in the construction industry had been carried out involving eight (8) syndications with nine (9) countries; Webinar programmes and business matchings as targeted.</i>	✓			
10.	Satu Direktori syarikat pembinaan Malaysia yang beroperasi di luar negara dan diiktiraf pada peringkat antarabangsa telah diterbitkan sebagaimana sasaran. <i>A Directory of Malaysian construction companies that operate overseas and are internationally recognized had been published as targeted.</i>	✓			
11.	Sebanyak 61 projek pembinaan telah menjalani penilaian SHASSIC berbanding sasaran 60 projek. <i>A total of 61 construction projects had undergone SHASSIC assessment against the target of 60 projects.</i>			✓	
12.	Sebanyak 26 bangunan Kerajaan telah menjalani penilaian QCLASSIC berbanding sasaran 20 bangunan. <i>A total of 26 Government buildings had undergone QCLASSIC assessment against the target of 20 buildings.</i>			✓	
<b>JUMLAH / TOTAL</b>		10	4	4	3
<b>JUMLAH KESELURUHAN / OVERALL TOTAL</b>		21			

# LAPORAN KE ATAS PEMBIAYAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

## REPORT ON FEDERAL GOVERNMENT FUNDING

Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke - 12 (RMKe - 12) telah memperuntukkan dana berjumlah RM95.83 juta untuk tempoh lima (5) tahun bagi enam (6) projek penyediaan prasarana dan pembelian peralatan pengujian bahan binaan bagi produk simen, ready mix concrete & precast concrete di Sabah dan Sarawak, insulated glass unit dan wired glass, komponen IBS serta komponen besi dan keluli di Lembah Klang. Berikut adalah butiran bagi ke - enam (6) projek tersebut.


The Government under the Twelfth Malaysia Plan (12MP) had allocated funds amounting to RM95.83 million for a period of five (5) years for six (6) projects to provide infrastructure and procure construction material testing equipment for cement, ready mix concrete & precast concrete products in Sabah and Sarawak, insulated glass unit and wired glass, IBS components and iron and steel components in the Klang Valley. The following are the details of the six (6) projects.

### 1 Penyediaan prasarana dan pembelian peralatan pengujian bahan binaan di Sabah bagi produk simen, Ready Mix Concrete dan Precast Concrete

Provision of infrastructure and procurement of construction material testing equipment in Sabah for cement products, Ready Mix Concrete and Precast Concrete

Pembelian bagi peralatan pengujian produk simen dan ready mixed concrete telah dilaksanakan dan dalam proses pembekalan yang dijangka pada Mac 2022.

Procurement of testing equipment for cement products and ready mixed concrete had been executed and is in the process of delivery expected in March 2022.



### 2 Penyediaan prasarana dan pembelian peralatan pengujian bahan binaan di Sarawak bagi produk simen, Ready Mix Concrete dan Precast Concrete

Provision of infrastructure and procurement of building material testing equipment in Sarawak for cement products, Ready Mix Concrete and Precast Concrete

Pembelian bagi peralatan pengujian produk simen dan ready mix concrete telah dilaksanakan dan dalam proses pembekalan yang dijangka pada Mac 2023.

Bagi skop precast concrete untuk kedua-dua Sabah dan Sarawak, tender pelantikan konsultan telah ditutup pada 26 Nov 2021 dan sebanyak tiga (3) tawaran telah diterima. Walaubagaimanapun, proses lantikan terpaksa ditunda kerana jumlah peruntukan yang diluluskan oleh EPU hanya sebanyak RM100,000 iaitu 1% sahaja daripada permohonan peruntukan yang dibuat bagi tahun 2022. Jadual pelaksanaan projek ini perlu disemak semula.

Procurement of testing equipment for cement products and ready mixed concrete had been executed and is in the process of delivery expected in March 2023.

For the scope of precast concrete for both Sabah and Sarawak, the tender for the consultants' appointment was closed on 26 Nov 2021 and a total of three (3) offers were received. However, the appointment process had to be postponed due to the amount approved by the EPU was only RM100,000 which is only 1% of the allocation application made for the year 2022. The implementation schedule of this project needs to be revised.




### 3 Penyediaan prasarana dan pembelian peralatan pengujian di Kuala Lumpur (komponen iron & steel)

Provision of infrastructure and procurement of testing equipment in Kuala Lumpur (iron & steel components)

Sebanyak RM950,000 telah diperuntukkan bagi projek ini. Sehingga Disember 2021, kerja-kerja ubahsuai makmal sedang dalam proses akhir penyiapan bagi penyediaan lokasi peralatan ujian. Peralatan pengujian Rebar Measuring System (RMS) dan Oxygen-Nitrogen Analyzer (ONH) telahpun diterima dan sedang diujilari. Pembelian aksesori untuk peralatan utama RMS dan ONH sedang dalam proses.

A total of RM950,000 had been allocated for this project. As of December 2021, the laboratory renovation works are in the final process of completion in preparing the location for the testing equipment. Rebar Measuring System (RMS) and Oxygen-Nitrogen Analyzer (ONH) testing equipment had been delivered and are being tested. The procurement of accessories for RMS and ONH main equipment is in the process.



### 4 Penyediaan prasarana dan pembelian peralatan pengujian di Kuala Lumpur (Komponen IBS)

Provision of infrastructure and procurement of testing equipment in Kuala Lumpur (IBS Component)

Bagi tahun 2021, pembekal bagi struktur adjustable hydraulic frame telah dilantik. Pembekalan akan dibuat dalam tempoh enam (6) bulan yang dijangka pada Jun 2022.

For the year 2021, the supplier for the adjustable hydraulic frame structure had been appointed. The delivery will be made within six (6) months which is expected in June 2022.

### 5 Penyediaan prasarana dan pembelian peralatan pengujian di Kuala Lumpur (Insulated Glass Unit & Wired Glass)

Provision of infrastructure and procurement of testing equipment in Kuala Lumpur (Insulated Glass Unit & Wired Glass)

Kerja-kerja pengubahsuaian di makmal sedang dilaksanakan. Pembekal telah dilantik dan bekalan prasarana dan peralatan seperti spark emission spectroscope, sparklite, emissometer, solar spectrophotometer, sound insulation room dan humidity test chamber dijangka bermula pada April 2022.

Renovation work in the laboratory is underway. Suppliers had been appointed and the supply of infrastructure and equipment such as spark emission spectroscope, sparklite, emissometer, solar spectrophotometer, sound insulation room and humidity test chamber are expected to commence in April 2022.



### 6 Penyediaan prasarana dan pembelian peralatan pengujian di Kuala Lumpur (Rail System)

Provision of infrastructure and procurement of testing equipment in Kuala Lumpur (Rail System)

Projek ini telah dibatalkan oleh pihak EPU pada Julai 2021. This project was rescinded by the EPU in July 2021.





# PENYATA KEWANGAN

FINANCIAL REPORT

030





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah Subseksyen 7 (3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Amaun Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 74.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [Akta 520].

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Anggota Lembaga, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Anggota Lembaga Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [Akta 520]. Anggota Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan, Anggota Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:



- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Lembaga;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Anggota Lembaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [Akta 520], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 8 dalam penyata kewangan.

#### Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Anggota Lembaga, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [Akta 520] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

  
(NORLIZA BINTI MD. NURUDDIN)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA  
17 OGOS 2022






**PENYATA Pengerusi dan seorang Anggota Lembaga  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan**

Kami Ir Hj. Yusuf bin Hj. Abd. Wahab dan Datuk Wan Ahmad Uzir bin Hj. Wan Sulaiman yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Lembaga, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Amaun Bajet dan Amaun Sebenar Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,




**IR HJ. YUSUF BIN HJ. ABD. WAHAB**

Pengerusi  
Lembaga Pembangunan  
Industri Pembinaan Malaysia

Tarikh: 26 APRIL 2022

Kuala Lumpur, Malaysia

Bagi pihak Lembaga,



**DATUK WAN AHMAD UZIR BIN HJ.  
WAN SULAIMAN**

Anggota Lembaga  
Lembaga Pembangunan  
Industri Pembinaan Malaysia


Tarikh: 26 APRIL 2022

Kuala Lumpur, Malaysia

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

Saya, Datuk Ir Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Amaun Bajet dan Amaun Sebenar Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas di )  
Kuala Lumpur pada 26 APR 2022 )



Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAAH



No. 86, Jalan Putra  
50350 Kuala Lumpur



## LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2021

	Nota	Kumpulan		Lembaga	
		2021 RM	2020 RM Seperti dinyatakan semula	2021 RM	2020 RM Seperti dinyatakan semula
<b>ASET</b>					
<b>Aset bukan semasa</b>					
Hartanah, loji dan peralatan	4	231,706,337	241,631,038	200,516,969	200,956,033
Aset tidak ketara	5	18,555,751	23,793,119	18,405,542	23,656,535
Kerja dalam pembangunan	6	150,280,955	119,159,435	149,915,270	119,159,435
Pelaburan hartanah	7	10,080,000	10,080,000	-	-
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	8	-	-	23,510,842	23,510,842
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	9	156,623	118,744	-	-
Aset kewangan sedia untuk dijual	10	11,644,120	11,808,030	-	-
<b>Jumlah aset bukan semasa</b>		<b>422,423,786</b>	<b>406,590,366</b>	<b>392,348,623</b>	<b>367,282,845</b>
<b>Aset semasa</b>					
Inventori	11	811,496	826,186	61,919	99,435
Belum terima urus niaga bukan pertukaran	12	14,610,185	27,165,940	14,610,185	27,165,940
Belum terima urus niaga pertukaran	13	15,706,584	13,208,153	7,442,801	7,689,168
Belum terima lain	14	17,538,004	18,517,585	14,412,495	14,676,516
Amaun terhutang oleh syarikat subsidiari	15	-	-	58,583	685,756
Amaun terhutang oleh syarikat sub-subsidiari	16	-	-	90,022	1,833,173
Amaun terhutang oleh syarikat bersekutu	17	-	309,846	-	-
Amaun terhutang oleh syarikat berkaitan	18	37,974	-	-	-
Pendahuluan oleh syarikat subsidiari	19	-	-	13,337,369	-
Pendahuluan oleh syarikat sub-subsidiari	20	-	-	5,518,051	-
Cukai baikpulih		10,625,772	10,156,796	9,281,322	9,403,926
Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan	21	25,322,954	23,288,742	-	-
Deposit jangka pendek	22	379,905,259	448,889,865	358,210,000	422,310,000
Tunai dan baki di bank		118,900,934	43,994,327	88,415,437	23,819,799
<b>Jumlah aset semasa</b>		<b>583,459,162</b>	<b>586,357,440</b>	<b>511,438,184</b>	<b>507,683,713</b>
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>1,005,882,948</b>	<b>992,947,806</b>	<b>903,786,807</b>	<b>874,966,558</b>

Nota-nota di muka surat 13 hingga 74 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)

	Nota	Kumpulan		Lembaga	
		2021 RM	2020 RM Seperti dinyatakan semula	2021 RM	2020 RM Seperti dinyatakan semula
<b>ASET BERSIH DAN LIABILITI</b>					
<b>ASET BERSIH</b>					
Lebihan Terkumpul		848,083,148	825,455,575	812,031,398	785,084,946
Kumpulan wang pinjaman kenderaan	23	2,000,000	2,000,000	2,000,000	2,000,000
Kumpulan wang pinjaman pelajaran	24	1,500,000	1,500,000	1,500,000	1,500,000
Kumpulan wang pinjaman komputer	25	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000
<b>Jumlah kumpulan wang</b>		<b>852,583,148</b>	<b>829,955,575</b>	<b>816,531,398</b>	<b>789,584,946</b>
Kepentingan bukan kawalan		(31,184)	-	-	-
<b>Jumlah aset bersih</b>		<b>852,551,964</b>	<b>829,955,575</b>	<b>816,531,398</b>	<b>789,584,946</b>
<b>LIABILITI</b>					
<b>Liabiliti bukan semasa</b>					
Pinjaman bank	26	1,432,569	1,777,806	-	-
Geran tertunda	27	26,842,266	28,308,554	6,596,591	662,130
Liabiliti cukai tertunda	28	15,628,894	14,198,349	15,158,418	13,727,873
Manfaat kakitangan jangka panjang	29	48,239,506	45,020,462	33,363,685	31,074,737
<b>Jumlah liabiliti bukan semasa</b>		<b>92,143,235</b>	<b>89,305,171</b>	<b>55,118,694</b>	<b>45,464,740</b>
<b>Liabiliti semasa</b>					
Belum bayar urus niaga pertukaran	30	18,208,049	28,208,035	11,483,195	23,755,128
Belum bayar lain	31	36,443,857	29,939,536	13,977,469	9,606,721
Amaun terhutang kepada syarikat subsidiari	15	-	-	3,933,281	3,383,420
Amaun terhutang kepada syarikat sub-subsidiari	16	-	-	1,943,298	2,659,415
Amaun terhutang kepada syarikat bersekutu	17	-	12,500	-	-
Amaun terhutang kepada syarikat berkaitan	18	7,730	850	-	-
Pinjaman bank	26	640,755	1,032,737	-	-
Geran tertunda	27	4,824,131	13,784,183	-	-
Peruntukan cukai		263,755	197,031	-	-
Manfaat kakitangan jangka pendek	29	799,472	512,188	799,472	512,188
<b>Jumlah liabiliti semasa</b>		<b>61,187,749</b>	<b>73,687,060</b>	<b>32,136,715</b>	<b>39,916,872</b>
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>153,330,984</b>	<b>162,992,231</b>	<b>87,255,409</b>	<b>85,381,612</b>
<b>JUMLAH ASET BERSIH DAN LIABILITI</b>		<b>1,005,882,948</b>	<b>992,947,806</b>	<b>903,786,807</b>	<b>874,966,558</b>

Nota-nota di muka surat 13 hingga 74 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

